



Visi Sukan Negara

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bermula pada tahun 1953 dengan tertubuhnya Bahagian Kebudayaan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah diberi tanggungjawab mengenai belia. Seterusnya pada tahun 1964 Bahagian Kebudayaan ini telah dipindahkan di bawah Kementerian Penerangan. Dalam masa yang sama berikutan kegiatan belia secara berpersatuan yang semakin berkembang, maka bagi tujuan memupuk serta memantau perkembangan tersebut, Bahagian Belia telah ditubuhkan di bawah kementerian berkenaan. selain itu di bawah Kementerian Penerangan ini juga telah ditubuhkan Bahagian Sukan.

Kementerian Belia dan Sukan diwujudkan secara rasmi pada 15 Mei 1964 iaitu bersempena Hari Belia Negara pada tahun tersebut. Pada tahun 1972, Bahagian Kebudayaan telah diwujudkan dan dengan itu nama Kementerian Belia dan Sukan ini telah diubah kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sehingga tahun 1987 apabila Bahagian Kebudayaan telah dipindahkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Dengan perpindahan Bahagian Kebudayaan tersebut, nama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah kembali kepada nama asalnya iaitu Kementerian Belia dan Sukan, sehingga sekarang.

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah diamanatkan untuk melaksanakan dasar-dasar Kerajaan Malaysia khususnya dalam pembangunan Belia dan Sukan.

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

Menara KBS, No 27 Persiaran Perdana, Presint 4,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62570 Putrajaya, MALAYSIA

Tel: +603 - 8871 3333 / 3000

Fax: +603 - 8888 8770

Emel: info@kbs.gov.my

Laman Web: www.kbs.gov.my

Kandungan

i Prakata

Yang Berhormat Menteri	i
Ketua Setiausaha	ii

1 Persekitaran Sukan Malaysia

Sukan Malaysia Sebelum Merdeka	3
Pengenalan	5
Perjalanan Sukan di Malaysia	6
Dasar Sukan Negara 2009	19
Lanskap Semasa	20
Cabaran Utama	29
Aspirasi VSN2030	31
Ke Arah Kemajuan Sukan Untuk Semua	32

2 Prinsip Panduan

Punca Kuasa Pembangunan Sukan	35
Rujukan Dasar Berkaitan	36
Nilai Teras	46

3 Kanvas VSN2030

Perjalanan Kanvas VSN2030	49
Fakta Ringkas	50
Aspirasi Rakyat	53
Penemuan Utama	57

4 Visi Sukan Negara 2030

Kerangka Strategik	61
6 Teras dan Objektif	62
Ringkasan Teras Strategi dan Inisiatif	63

5 Penutup

Game Changer	103
Pemangkin	104
Penghargaan	--
Akronim	--



**YAB DATO' SRI
ISMAIL SABRI BIN YAAKOB**
Perdana Menteri Malaysia

*Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Salam Keluarga Malaysia*

Sekalung penghargaan diucapkan kepada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) kerana telah berjaya menghasilkan dokumen Visi Sukan Negara 2030 (VSN2030). VSN2030 dirangka bertujuan untuk menyelaraskan kembali polisi sukan negara demi mencapai kelestarian pembangunan industri sukan yang lebih mampan dan berdaya saing.

Jika diungkap kembali, pembaharuan pendekatan pembangunan sukan ini bermula sejak tahun 2021 lagi menerusi pelaksanaan Kanvas VSN2030. Kanvas ini bertindak sebagai platform terhadap pemegang taruh sukan di Malaysia untuk melontar buah fikiran, kritikan serta pandangan dalam kebersamaan membina industri sukan yang lebih mampan.

Memperakui peranan pihak kerajaan khususnya KBS, kami berharap kebersamaan segenap lapisan pemegang taruh sukan ini mampu diteruskan lagi dalam bersamasama memacu hala tuju sukan melalui sebuah semangat keluarga Malaysia yang berdaya-maju.

Selain menghasilkan lebih ramai jagoan sukan, pihak KBS juga percaya dengan pengukuhan ekosistem industri sukan secara menyeluruh juga mampu mencapai tambah nilai yang positif terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

Semoga dengan berkat kesungguhan dan kebersamaan ini kelak, tercapai cita-cita kita sebagai negara Malaysia untuk mempunyai sebuah industri sukan yang gemilang di rantau ini.

Kita ada segala-galanya dan kita mampu untuk ke arahnya bersama.

VSN 2030,
Ini Visi kita, Demi Malaysia

INI VISI KITA

INI VISI KITA

INI VISI KITA

INI VISI KITA

STADIUM BUKIT JALIL

*Demi
Malaysia*

INI VISI KITA

INI VISI KITA

INI VISI KITA

INI VISI KITA



A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Faizal'.

**YB DATO' SERI
AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU**
Menteri Belia dan Sukan

*Assalamualaikum warahmatullahi
wabarokatuh dan, Salam Sejahtera.*

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah berjaya menghasilkan sebuah dokumen yang komprehensif berkaitan pembangunan sukan negara iaitu Visi Sukan Negara 2030 (VSN 2030).

Dokumen VSN 2030 ini merangkumi aspirasi dan hala tuju KBS dalam mengorak langkah ke arah usaha yang lebih berdaya maju sejajar dengan arus transformasi bagi mencapai status negara bersukan. Dalam usia 65 tahun Malaysia mencapai kemerdekaan, negara yang kita sayangi ini telah banyak mencapai kejayaan yang amat membanggakan di dalam mahupun di luar negara.

Saban tahun juga kita dapat melihat lahirnya jaguh-jaguh sukan yang terus berjuang mengibar megah panji Malaysia di persada dunia. Malah, sukan bukan sahaja menjadi satu wadah gaya hidup rakyat semata-mata, tetapi ia kini mampu menjadi sebuah industri yang penting dalam mencipta peluang perniagaan dan pekerjaan yang baharu serta menyumbang kepada pembangunan ekosistem pembangunan ekonomi di Malaysia.

Perubahan gaya hidup masyarakat dan perkembangan industri sukan di peringkat global yang semakin pesat perlu direncana dengan sebaik mungkin supaya evolusi sukan di negara ini tidak ketinggalan dan sentiasa menghasilkan inovasi dan inisiatif yang terkini.

Mendukung hasrat ini, VSN 2030 telah mengenal pasti tujuh (7) cabaran utama yang perlu dititikberatkan dalam pembangunan dokumen yang inklusif hasil pandangan daripada semua pemegang taruh sukan dipelbagai peringkat. Cabaran utama tersebut ialah bagaimana untuk mengadaptasi norma baharu penglibatan masyarakat dalam aktiviti sukan, perancangan pengurusan dan prestasi sukan yang kurang efektif, perkongsian & pemanfaatan data, kebergantungan terhadap intervensi kerajaan, pengurusan dan ketersediaan fasiliti sukan, jurang kecergasan & kesejahteraan antara komuniti serta kurang usaha kerjasama di antara semua peringkat.



Kerangka inisiatif yang digubal dalam dokumen VSN 2030 seterusnya akan diperincikan lagi merangkumi perancangan program dan aktiviti melalui plan tindakan khusus yang akan dibangunkan kemudian bersama dengan pemegang taruh daripada kementerian, agensi dan pemegang taruh yang lain. Ini supaya visi ini tetap kekal relevan tanpa terikat kepada program khusus yang dilaksanakan secara berperingkat mengikut tahun.

Akhir kalam, kami warga KBS percaya bahawa Malaysia sedang berada di landasan yang tepat dalam usaha memacu pembangunan sukan ke arah ekosistem sukan yang lebih kompetitif demi masa depan sukan negara yang inklusif dan berdaya maju. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, saya mempelawa kesemua pemegang taruh sukan; rakyat, penyokong, pemain industri, agensi swasta, institusi pendidikan, mahupun agensi dan kementerian yang lain bersama sehati sejiwa melaksana sebuah transformasi yang kolektif melalui kesepakatan objektif. 10 tahun yang bakal menjadi dekad emas sukan negara, adalah laungan dan hasrat yang perlu kita realisasikan demi kemajuan sukan negara yang tercinta ini.

VSN 2030,
Ini visi kita semua



A handwritten signature in black ink, consisting of several overlapping loops and a long horizontal stroke extending to the right.

**YBHG DATO' JANA SANTHIRAN
MUNIAYAN**
Ketua Setiausaha

Salam Sejahtera.

Visi Sukan Negara 2030 (VSN 2030) merupakan satu dokumen inklusif pembangunan sukan negara untuk jangka masa panjang yang dirangka oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dalam usaha meningkatkan kompetensi sukan di Malaysia dan memantapkan industri sukan secara holistik, sejajar dengan inisiatif yang telah dipetakan dalam Dasar Sukan Negara 2009.

KBS sentiasa cakna akan transformasi arus pemodenan sukan yang perlu diharungi bersama jika kita mahu menggapai status negara bersukan dari sudut pembangunan sosio-budaya, prestasi sukan dan ekonomi. KBS juga sedar dan akur bahawa serangan wabak pandemik Covid-19 memberi impak yang sangat besar dan turut melumpuhkan serta membantutkan momentum perkembangan industri sukan tanah air. Oleh yang demikian, pelancaran VSN 2030 adalah sangat bertepatan dengan agenda untuk memulihkan malah memantapkan lagi keseluruhan ekosistem industri sukan.

VSN 2030 telah dibangunkan melalui penglibatan seluruh pemegang taruh sukan yang dimulakan dengan pengumpulan idea, cadangan dan pandangan melalui Kanvas VSN 2030. Sejumlah enam puluh lima (65) sesi libat urus di seluruh pelusuk negara telah dilaksanakan melalui norma baharu secara dalam talian dan fizikal.

Hasil dapatan tersebut, kerangka strategik VSN 2030 seterusnya telah diperincikan untuk membangunkan sebuah dokumen blueprint VSN 2030 yang merangkumi inisiatif dan keberhasilan yang mampu digarap dalam usaha pemodenan sukan negara.

Pembentukan VSN 2030 tidak bersifat 'stagnant' dan 'top-down'. Ia merupakan sebuah dokumen dasar yang berkonsepkan pendemokrasian sukan dengan keterbukaan untuk menerima pandangan dan suara semua pihak. Ia juga akan sentiasa diteliti dari semasa ke semasa bagi memastikan ia kekal relevan dalam memacu sukan Malaysia untuk terus gemilang sehingga tahun 2030.



Adalah menjadi keutamaan pihak KBS untuk memastikan kerangka tindakan VSN 2030 kekal relevan sejajar dengan arus pemodenan sukan di peringkat global. Maka adalah menjadi tanggungjawab kami dalam memastikan keberhasilan setiap strategi, inisiatif dan pelaksanaan ini dipantau secara berkala di dalam sesebuah garis masa yang ditetapkan meliputi pelan jangka masa pendek, pertengahan dan panjang menjelang tahun 2030.

Akhir kalam, saya mewakili warga KBS berdoa dan berharap agar VSN 2030 ini mampu dilaksanakan dengan jayanya secara bersama. Sederap langkah, kita maju mendepani cabaran yang kita hadapi, rakyat Malaysia adalah amanah di antaranya untuk menambah baik lalu meletakkan industri sukan ini di tahap yang kita semua citakan ke arah dekad emas sukan negara menjelang tahun 2030.

Visi Sukan negara

INI VISI KITA

INI VISI KITA

Visi Sukan Negara 2030,
Ini visi kita.

“Memberi inspirasi kepada rakyat untuk sentiasa sihat dan bahagia”

- Dato' Muhammad Azizulhasni Bin Awang



1

Persekitaran **Sukan Malaysia**

Sukan Malaysia Sebelum Merdeka	3
Pengenalan	5
Perjalanan Sukan di Malaysia	6
Dasar Sukan Negara 2009	19
Lanskap Semasa	20
Cabaran Utama	29
Aspirasi VSN2030	31
Ke Arah Kegemilangan Sukan Bersama	32

Sukan Malaysia Sebelum Merdeka

Budaya sukan Tanah Melayu sangat dipengaruhi oleh faktor animisme sebelum era penjajahan berlaku ke atas Tanah Melayu. Aktiviti sukan yang berkait-rapat dengan kebudayaan dan gaya hidup rakyat tempatan adalah aktiviti sukan utama yang dimainkan seperti permainan gasing, layang-layang, sepak raga, lumba perahu dan silat.

Sukan Zaman Kolonial – Sebelum Merdeka

Pengaruh Barat – Pentadbiran dan kedatangan tentera British serta pembukaan sekolah mubaligh pada abad ke-19 meninggalkan kesan yang mendalam dalam perkembangan aktiviti sukan di Malaysia. Pada era tersebut, didapati sukan-sukan yang cenderung dimainkan oleh penjajah semakin mendapat tempat di kalangan rakyat tempatan seperti badminton, bola sepak, kriket, ragbi, hoki dan tenis.

Selepas Merdeka – Zaman Kolonial

Sukan bola keranjang, pingpong dan bola tampar dibawa oleh kaum imigran dari Cina dan diperluaskan dalam sistem pelajaran vernakular Cina. Sukan-sukan ini merupakan aktiviti riadah yang popular di kawasan penempatan mereka dan juga menjadi ciri utama dalam pembudayaan sukan di sekolah Cina.



“
Visi sukan negara
saya adalah Malaysia
sebagai negara
pilihan dalam industri
sukan dunia

- Izzat Hamidi



Lebih membanggakan, pengisytiharan kemerdekaan oleh Almarhum Tuanku Abdul Rahman Putra Al-Haj (Perdana Menteri pertama) juga telah dilangsungkan di gelanggang sukan kebanggaan Malaya pada waktu ketika itu yang bertempat di Stadium Merdeka dan Padang Selangor (kini dikenali sebagai Dataran Merdeka)

Pengenalan

Visi Sukan Negara 2030 (VSN2030) merupakan satu hala tuju baharu yang digubal bagi memacu pembangunan sukan dalam negara untuk tempoh 10 tahun bermula 2021 hingga 2030. Ia merupakan komplementari kepada Dasar Sukan Negara 2009 yang mana matlamat utamanya adalah untuk menerapkan budaya sukan di segenap lapisan masyarakat. Ia juga akan menjadi sebahagian agenda nasional yang mampu memberikan sumbangan signifikan dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Kejayaan-kejayaan yang dicapai melalui sukan sama ada dalam aktiviti sukan untuk semua ataupun sukan berprestasi tinggi membuktikan bahawa sukan terus berupaya menjadi wadah utama pengukuhan integrasi nasional. Kejayaan atlet-atlet negara di temasya sukan antarabangsa menjadi kebanggaan kepada segenap lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa, agama dan taraf sosial. Oleh itu, bagi mengukuhkan serta mengekalkan kegemilangan sukan dalam jangka masa panjang, VSN2030 dirangka dengan visi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah 'Negara Bersukan' dan misi untuk memasyarakatkan sukan sebagai pemangkin sosioekonomi dan kualiti hidup.

VSN2030 merupakan hala tuju dan perancangan baharu pembangunan sukan negara yang dipetakan dengan lebih komprehensif, bersepadu dan kolektif. VSN2030 dijangka dapat memberikan nafas baharu buat arena sukan negara dengan konsep 'daripada komuniti kepada komuniti' supaya rakyat sendiri selaku ahli keluarga Malaysia, tanpa mengira latar belakang bersama-sama merencanakan strategi sukan negara yang akan dijadikan panduan dan rujukan kepada semua pemegang taruh dalam sukan.

Sebagai kesinambungan kepada Dasar Sukan Negara sebelum ini, VSN2030 merupakan pemetaan ekosistem sukan yang menyeluruh, berintegriti dan berdaya saing. Pembangunan VSN2030 juga akan mengambil kira perspektif, penelahan dan maklum balas daripada semua pemegang taruh sukan yang terlibat. Ini bagi memastikan dokumen yang diterbitkan ini dapat dinilai dan sentiasa berada di landasan yang tepat sepanjang pelaksanaannya.



Perjalanan Sukan di Malaysia

- Majlis Olimpik Persekutuan Tanah Melayu
- Fungsi Pembangunan Belia dan Sukan
- Penubuhan KBS
- Pingat Pertama Sukan Asia
- 'Doktor Terbang'
- Pingat Pertama Sukan Semenanjung Asia Tenggara 1965
- Pingat Pertama Sukan Komanwel
- Kejuaraan Piala Thomas

- Majlis Sukan Negara
- Majlis Olimpik Malaysia
- Sains Sukan dan Perubatan

- Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) Pertama
- Dasar Sukan Negara 1988
- Pingat Pertama Sukan Paralimpik
- Penubuhan Majlis Paralimpik Malaysia (MPM)

1961 - 1970

1971 - 1980

1981 - 1990

1991 - 2000

- Pingat Olimpik Pertama
- Le Tour de Langkawi*
- Penubuhan Suruhanjaya Sukan
- KISMAS
- Litar Antarabangsa Sepang

2001 - 2010

- Sukan SEA 2001 Kuala Lumpur
- Penubuhan JBSN
- Ratu Skuasy Malaysia
- Dasar Sukan Negara 2009
- Kejuaraan Lumba Basikal Dunia Pertama
- Sukan Asia Guangzhou 2010

2011 - 2020

- Pelancaran Fit Malaysia
- Pelancaran Hari Sukan Negara
- Penubuhan Institut Sukan Negara (ISN)
- Pelancaran Program Podium
- Sukan Olimpik Rio, Brazil 2016
- Sukan Paralimpik Rio, Brazil 2016
- Ranking No. 1 Terpanjang di Dunia
- Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020

Perjalanan Sukan di Malaysia

1953 -
1970

Penubuhan Majlis Olimpik Persekutuan Tanah Melayu (FMOC)

Tanggal 13 November 1953, Majlis Olimpik Persekutuan Tanah Melayu (FMOC) yang menjadi asas penubuhan Majlis Olimpik Malaysia telah didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan sebagai pertubuhan sukarelawan, bukan keuntungan dan bukan kerajaan.



Fungsi Pembangunan Belia dan Sukan

Fungsi Pembangunan Belia dan Sukan bermula pada tahun 1953 dengan tertubuhnya Bahagian Kebudayaan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah diberi tanggungjawab bagi pembangunan belia di Malaysia.



Pingat pertama Sukan Asia

Pada tahun 1958, Malaysia (dikenali sebagai Malaya pada ketika itu) berjaya meraih 3 pingat gangsa di Temasya Sukan Asia yang telah diadakan di bandaraya Tokyo, Jepun.



Pingat Pertama Sukan Semenanjung Asia Tenggara 1965

Shaharuddin Jaafar memperoleh pingat emas sukan berbasikal pertama Malaysia pada Sukan SEA (kini dikenali sebagai Sukan SEA) 1965 yang telah dianjurkan di Kuala Lumpur.

Penubuhan KBS

Pada tahun 1964, Jabatan Kebudayaan diletakkan di bawah Kementerian Penerangan sebelum Kementerian Belia dan Sukan dibentuk pada 15 Mei 1964. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman merupakan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang pertama pada ketika itu.



'Doktor Terbang'

Tan Sri Dr. M. Jegathesan dinobatkan sebagai *The Flying Doctor*. Beliau telah memenangi 3 pingat emas sepanjang penglibatan beliau di Sukan Asia pada tahun 1960 hingga 1968.

Manakala rekod kebangsaan 200 meter (20.92 saat) yang dicipta ketika Sukan Olimpik Mexico 1968 kekal utuh selama 49 tahun sebelum dipecahkan oleh Khairul Hafiz Jantan pada temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017.





Kejuaraan Pertama Piala Thomas

Malaysia memenangi Piala Thomas pertama pada 1967 selepas berjaya menundukkan Indonesia (6-3) di mana ia telah diadakan di Jakarta, Indonesia.

1971 -
1980

Pingat Pertama di Sukan Komanwel

Pingat pertama Malaysia pada temasya Sukan Komanwel telah berjaya diperolehi ketika temasya tersebut berlangsung di Kingston, Jamaica pada tahun 1966.

Kita telah berjaya menuai 2 pingat emas, 2 perak dan 1 gangsa pada temasya tersebut.



Penubuhan Majlis Sukan Negara

Majlis Sukan Negara telah ditubuhkan pada 27 April 1971.

Penubuhan Majlis Olimpik Malaysia

Pada bulan April 1972, Majlis Olimpik Persekutuan Tanah Melayu (FMOC) telah ditukar nama ke "Majlis Olimpik Malaysia" (MOM).



Sains Sukan dan Perubatan

Perkhidmatan Sains Sukan dan Perubatan ditawarkan kepada atlet melalui unit perubatan di Unit Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) pada tahun 1977.

1981 -
1990

Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) Pertama

Kejohanan SUKMA yang pertama telah dilangsungkan pada tahun 1986 di Kuala Lumpur. Enam (6) sukan dipertandingkan iaitu Tennis, Ping-pong, Berbasikal, Olahraga, Sepak Takraw dan Bola Tampar. Seramai 3,849 atlet dari 13 buah negeri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, MASUM, PDRM dan ATM telah bertanding pada kejohanan tersebut.

Dasar Sukan Negara 1988

Digubal pada 20 Januari 1988, ianya merupakan sebuah dasar yang menekankan sumbangan sukan kepada individu, masyarakat dan negara.

Pingat Pertama Sukan Paralimpik

Atlet Paralimpik, Mariappan Perumal telah berjaya memenangi pingat Paralimpik pertama (Pingat Gangsa) Malaysia pada tahun 1988, di Seoul, Korea Selatan menerusi sukan angkat berat.

Beliau sekali lagi menyumbang pingat gangsa di dalam sukan yang sama ketika bertanding di Sukan Paralimpik 1992 Barcelona.



Penubuhan Majlis Paralimpik Malaysia (MPM)

Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) telah ditubuhkan dan diiktiraf pada tahun 1989. Penubuhan MPM adalah melalui mandat untuk memberi peluang kepada atlet kurang upaya di Malaysia menyertai lebih banyak pertandingan sukan para di peringkat benua mahupun dunia.

1991 -
2000



Pingat Olimpik Pertama

Pada tahun 1992, Malaysia melakar sejarah apabila berjaya meraih pingat Olimpik pertama (pingat gangsa) menerusi acara badminton beregu lelaki yang telah disumbangkan oleh pasangan anak-anak Sidek, Jalani dan Razif Sidek di Olimpik Barcelona.





Pembinaan Kompleks Sukan Negara

Kompleks Sukan Negara (kini dikenali sebagai KL Sports City) telah dirasmikan pada tahun 1998 sejajar dengan penganjuran pertama negara di dalam temasya Sukan Komanwel yang telah diadakan di Kuala Lumpur.

Ia juga adalah satu-satunya kompleks sukan berskala besar di negara ini mahupun rantau Asia Tenggara pada ketika itu.



Le Tour de Langkawi

Le Tour de Langkawi telah diperkenalkan kepada dunia pada tahun 1996 dan merupakan perlumbaan basikal termahal di Asia pada ketika itu, dengan jumlah wang kemenangan terkumpul sebanyak RM1.1 juta.



Penubuhan Pejabat Pesuruhjaya Sukan

Pejabat Pesuruhjaya Sukan ditubuhkan pada tanggal 1 Januari 1998. Telah dipertanggungjawabkan untuk mentadbir dan menguatkuasakan Akta Pembangunan Sukan 1997.



Karnival Industri Sukan Malaysia (KISMAS)

Konvensyen Industri Sukan Malaysia (KISMAS) adalah satu platform yang diusahakan oleh Bahagian Industri Sukan, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Malaysia bersama Institut Sukan Negara (ISN) bagi merangsang pembangunan industri sukan Malaysia. Objektif utama KISMAS adalah untuk merumuskan resolusi bagi menjana sukan sebagai industri di Malaysia dengan lebih profesional, teratur, berkualiti,



Penganjuran pertama Sukan SEA 2001 Kuala Lumpur

Penganjuran Sukan SEA kali ke-5 bagi Malaysia dan yang pertama pada abad ke-21. Seramai 4,165 atlet dari 10 negara terlibat. Malaysia menjuarai kejohanan dengan pungutan sebanyak 111 pingat emas.

2001 -
2010

Pembinaan Litar Antarabangsa Sepang

Litar Antarabangsa Sepang ialah sebuah litar yang digunakan untuk perlumbaan Formula Satu, Grand Prix A1, Grand Prix Motosikal dan sukan permotoran yang lain. Litar ini terletak berdekatan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan 60 km di selatan ibu kota Kuala Lumpur.

Litar ini dirasmikan sendiri oleh Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Doktor Mahathir Bin Mohamad pada 7 Mac 1999. Beliau kemudiannya merasmikan perlumbaan Moto GP yang pertama di Malaysia pada 20 April 1999, dan juga perlumbaan Formula Satu pertama di Malaysia.





Ratu Skuasy Malaysia

Datuk Nicol Ann David berjaya mengekalkan kejuaraan Skuasy Dunia buat kali ke-5 berturut-turut (2008-2012). Kini beliau dinobatkan sebagai antara Atlet Sukan Terulung Sepanjang Zaman Dunia.



Kejuaraan Lumba Basikal Dunia Pertama

Diberi jolokan "The Pocket Rocketman", Azizulhasni Awang telah berjaya memenangi kejuaraan lumba basikal dunia pertama untuk negara yang telah dilangsungkan pada tahun 2009 di Melbourne, Australia.

Beliau turut membantu kontinjen Malaysia menambah 2 pingat emas di Kejohanan Trek Asia 2008 dalam acara Keirin dan Pecut 200m.

Penubuhan Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN)

Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) ditubuhkan pada tahun 2000 bagi memperkasakan pembangunan belia yang berdaya maju dan membudayakan rakyat Malaysia melalui aktiviti sukan untuk semua.




Dasar Sukan Negara 2009

Dasar Sukan Negara 2009 (DSN 2009) telah dilancarkan dengan 8 objektif utama untuk pembangunan sukan di Malaysia. Antara dua teras utama yang diberi penekanan khusus adalah (a) sukan untuk semua dan (b) sukan prestasi tinggi.

Di dalam DSN2009, Program 1Murid 1Sukan telah diperkenalkan sebagai asas untuk memastikan pelaksanaan subjek Pendidikan Jasmani yang berkualiti di peringkat sekolah.





2011 -
2020

Sukan Asia Guangzhou 2010

Pungutan pingat emas terbesar Malaysia di dalam sejarah penglibatan di Sukan Asia. Sebanyak 9 emas, 18 perak dan 14 gangsa berjaya dituai oleh kontinjen negara.

Pelancaran Fit Malaysia

Program Fit Malaysia dilancarkan pada tahun 2014 dengan tujuan untuk mendorong gaya hidup yang lebih sihat.



Pelancaran Hari Sukan Negara

Program Hari Sukan Negara dirangka bertujuan untuk meningkatkan amalan pembudayaan sukan dikalangan rakyat Malaysia

Penubuhan Institut Sukan Negara (ISN)

Institut Sukan Negara (ISN) Malaysia ditubuhkan secara rasmi pada tahun 2011. ISN menjadi peneraju unggul kepada pembangunan kemajuan dan kecemerlangan sains, perubatan dan teknologi sukan negara.



- PODIUM MALAYSIA PROGRAM OBJECTIVES**
- OLYMPICS: FIRST GOLD MEDAL IN TOKYO
 - COMMONWEALTH GAMES: STORE TOP 10 FINISH IN GAMES
 - ASIAN GAMES: STORE TOP 10 FINISH IN JAPAN
 - ATHLETES IN WORLD TOP 10
 - SUSTAINABLE SPORTING EXCELLENCE BEYOND 2020

Sukan Olimpik Rio, Brazil 2016

Pungutan pingat terbesar di dalam sejarah penglibatan negara di Sukan Olimpik dengan pungutan sebanyak 4 pingat perak dan 1 gangsa dari sukan badminton, berbasikal trek dan terjun.

Program Podium Dilancarkan

Program Podium Malaysia dilancarkan pada tahun 2016 dibawah seliaan ISN.

Objektif pelaksanaan rangka kerja berprestasi tinggi ini adalah untuk melahirkan persembahan bertaraf dunia pada kejohanan sukan antarabangsa utama dengan mewujudkan budaya prestasi yang tinggi dan pemikiran yang sama dengan negara-negara kuasa sukan dunia.





Ranking No. 1 Terpanjang Di Dunia

Datuk Lee Chong Wei merupakan atlet badminton yang berjaya memegang kedudukan No.1 terpanjang di dunia. Beliau memegang gelaran No. 1 dengan jumlah minggu terbanyak (348 minggu), dan minggu berturut-turut di No. 1 (199 minggu).



Sukan Paralimpik Rio, Brazil 2016

Sejarah tercipta buat julung kalinya apabila kontinjen Paralimpik Rio 2016 menyumbang 3 emas buat negara. Malaysia juga mempunyai 1 pingat perak ketika temasya tersebut dilangsungkan. Kesemua pingat adalah dari acara olahraga.



Sukan Olimpik dan Sukan Paralimpik Tokyo 2020

Kontinjen Olimpik Malaysia meraih 2 pingat (1 perak, 1 gangsa) manakala kontinjen Paralimpik Malaysia meraih 5 pingat (3 emas, 2 perak).

Dasar Sukan Negara 2009

Visi Sukan Negara 2030 merupakan kesinabungan daripada Dasar Sukan Negara 2009 yang bertujuan untuk memperkasakan pembangunan sukan melalui objektif yang telah ditetapkan pada setiap teras

VSN2030 meneruskan usaha yang telah ditetapkan:

Peningkatan

- ▶ Memperkasakan budaya penglibatan dalam sukan di kalangan masyarakat.
- ▶ Meningkatkan pengetahuan dan amalan bersukan ke arah mewujudkan budaya sukan di kalangan masyarakat.
- ▶ Menggalakkan penyertaan aktiviti sukan yang lebih luas di semua peringkat bagi membentuk sebuah masyarakat yang berdisiplin dan bersatu padu.
- ▶ Menyediakan kemudahan sukan bagi keperluan pada setiap peringkat.

Kebolehpayaan

- ▶ Menyediakan peluang, insentif & kerjaya bagi memenuhi keperluan asas individu melalui sukan.
- ▶ Mencapai kecemerlangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan semangat kesukanan yang tulus.

Pemeriksaan

- ▶ Membangunkan sukan sebagai sumber ekonomi.
- ▶ Memperkukuh badan dan organisasi sukan dengan amalan tadbir urus yang profesional.

“Tumpuan kepada peringkat akar umbi dan program pembangunan selepas tamat persekolahan bagi membantu bakat-bakat muda ke peringkat yang lebih tinggi dan laluan ke bidang sukan yang lebih tepat.

- Donnie Chen

Lanskap Semasa

Mengikut tinjauan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2019, golongan berikut adalah yang paling berisiko dan tidak aktif:

28%
WANITA



39%
PELAJAR



59%
SEKITAR 75
TAHUN
KE ATAS



27%
PENGHUNI
BANDAR




Usaha menggalakkan penglibatan aktiviti fizikal di setiap isi rumah secara lebih inklusif adalah penting bagi memastikan rakyat Malaysia kekal aktif, sihat dan cergas.

Kegiatan Sukan di Kalangan Rakyat Malaysia

NHMS adalah sebuah koleksi kajian berkala 3 tahun bertujuan untuk mendapatkan dapatan maklumat berkaitan status kesihatan masyarakat di Malaysia.

Hasil dari kajian NHMS dari tahun 2011 hingga 2019, didapati terdapat penurunan dari segi trend graf peratusan tidak aktif fizikal rakyat Malaysia dari tahun ke tahun.

Rajah 2.1
Kadar tidak aktif fizikal rakyat Malaysia



Sumber: Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS)

● Fizikal tidak aktif


1 dari 2 rakyat Malaysia mengamalkan gaya hidup yang SANGAT AKTIF.

- ▶ Kajian yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), menunjukkan pola kekerapan rakyat melakukan aktiviti sukan.
- ▶ Hasil dapatan kajian ini menunjukkan gaya hidup aktif fizikal dan bersukan di kalangan rakyat telah meningkat sejak 2017, lalu mencapai status sangat aktif pada ketika ini.
- ▶ Status sangat aktif digariskan dengan berlandaskan nilai purata kekerapan melakukan aktiviti sukan 5 hari seminggu dengan tempoh minimum 30 minit setiap sesi.



“Merangkumi penyertaan beramai-ramai sebagai salah satu tonggak aktiviti rakyat Malaysia dalam sukan.
- Faiz Radzi”

Rajah 2.2
Tahap keaktifan rakyat Malaysia



Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)


■ Tidak aktif ■ Sederhana aktif
■ Aktif ■ Sangat Aktif

Impak wabak Covid-19 terhadap aktiviti fizikal rakyat Malaysia

Kajian yang dikendalikan oleh Ipsos pada 2021 adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesihatan fizikal rakyat Malaysia semasa pandemik Covid-19 menyerang negara dan dunia.

Kajian mendapati sebanyak 56% responden di Malaysia menyatakan bahawa mereka kurang melakukan atau tidak melakukan langsung aktiviti fizikal sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Rajah 2.3
Peratus tahap aktiviti fizikal rakyat Malaysia



Majoriti aktiviti kesukan dilakukan di kawasan perumahan dan fasiliti awam.

LOKASI PILIHAN MELAKUKAN AKTIVITI:

	BERSUKAN	BERSENAM	REKREASI & RIADAH
1	Fasiliti Awam	Kawasan Perumahan	Kawasan Perumahan
2	Kawasan Perumahan	Fasiliti Awam	Taman Beriadah
2	Fasiliti di Sekolah	Taman Beriadah	Fasiliti Awam

Analisis kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia (IBSM) yang dikeluarkan oleh IYRES mendapati pilihan utama lokasi orang awam untuk bersukan adalah di Dewan Serbaguna dan Kemudahan Sukan Awam.

Pencapaian Sukan Berprestasi Tinggi

Pencapaian terbaik Olimpik negara mengikut pingat adalah di Sukan Olimpik Rio 2016, manakala pencapaian terbaik Paralimpik negara adalah pada Sukan Paralimpik Rio 2016 dan Tokyo 2020

Prestasi Malaysia di Olimpik



Prestasi Malaysia di Paralimpik



INI VISI KITA




“Melahirkan ramai lagi atlet - atlet yang berpotensi daripada pelbagai kaum bukan sahaja olimpik malah paralimpik.
- B. Ganeshan”

Prestasi Malaysia di Sukan Asia




- Emas
- Perak
- Gangsa




Sukan Asia Jakarta/
Palembang 2018

417 atlet : **35** Sukan



Sukan Asia
Guangzhou 2010


333 atlet : **29** Sukan




Sukan Asia
Incheon 2014

288 atlet : **28** Sukan

Prestasi Malaysia di Sukan SEA




- Emas
- Perak
- Gangsa




Sukan SEA
Hanoi 2021

584 atlet : **37** Sukan



Sukan SEA
Kuala Lumpur 2017

845 atlet : **38** Sukan




Sukan SEA
Philippines 2019

772 atlet : **52** Sukan

Prestasi Malaysia di Sukan Komanwel




- Emas
- Perak
- Gangsa



Sukan Komanwel
Glasgow 2014

180 atlet : **15** Sukan



Sukan Komanwel
Gold Coast 2018

178 atlet : **15** Sukan



Sukan Komanwel
Birmingham London 2022

103 atlet : **20** Sukan




“ Kesedaran di kalangan rakyat Malaysia tentang amalan gaya hidup sihat, pembudayaan sukan dan sukan untuk kesejahteraan dan perpaduan. - Eddy Harris ”



Indeks Budaya Sukan Malaysia

Indeks Budaya Sukan adalah sebuah tinjauan yang dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia (IYRES) yang merupakan indikator utama dalam mengukur tahap penglibatan, semangat dan keaktifan sukan rakyat Malaysia. Tinjauan yang dilakukan dari tahun 2019 hingga 2021 menunjukkan skor keseluruhan Indeks Budaya Sukan menurun sebanyak 11.5% akibat pelbagai faktor termasuklah penularan wabak Covid-19. Ini mendorong kerajaan Malaysia dalam menerapkan budaya sukan sebagai identiti kebangsaan.

Rajah 2.5



Sumber: Indeks Budaya Sukan Malaysia (IBSM)




I N I V I S I K I T A



Eksport & Import Barangan Sukan

Pertumbuhan perdagangan barangan sukan menunjukkan potensi yang positif industri sukan di Malaysia untuk perkembangan pasaran pada masa akan datang. Ini digambarkan melalui peningkatan eksport import barangan sukan. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, eksport barangan sukan merekodkan peningkatan sebanyak 19.3% kepada daripada RM0.65 billion pada tahun 2021 berbanding RM0.55 billion pada tahun sebelumnya. Eksport barangan sukan tertinggi adalah ke negara Singapura 39.6%, Amerika Syarikat 11.3% dan Australia 9.0%.

Manakala untuk import barangan sukan mencatatkan RM1.22 billion pada tahun 2021 berbanding RM0.94 billion pada tahun sebelumnya. Sumbangan import barangan sukan tertinggi adalah dari negara China 71.3%, Japan 6.4% dan Taiwan 3.4%.



Rajah 2.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



INI VISI KITA INI VISI KITA INI VISI KITA INI VISI KITA



“
Academic success is not the only success, One's passion should be the priority. Hence, one can be successful in their passion, sports! Vision to Inspire the world in exploring sports.
”
- Audy Ooi

Cabaran Utama

“Sukan merentasi sempadan jantina, umur dan sosial yang mampu menyatukan rakyat dalam satu komuniti yang sihat.”
- Liew Chan



1

Norma baharu penglibatan masyarakat dalam aktiviti sukan

Nafas baharu selaras dengan perubahan persekitaran pasca pandemik Covid-19 yang mendorong kepada penggiat sukan untuk meneroka cara baharu dalam mengekalkan gaya hidup aktif.



2

Perancangan pengurusan dan prestasi sukan yang kurang efektif

Tadbir urus yang kurang berkesan dan tidak seragam di kalangan badan sukan.



3

Perkongsian & pemanfaatan data

Ketersediaan data berpusat yang terhad menyukarkan proses perancangan dan pelaksanaan inisiatif berlandaskan data raya.



Kebergantungan terhadap intervensi kerajaan

Pelaksanaan program sukan masih lagi bergantung kepada sokongan kerajaan dari segi bantuan peruntukan, khidmat nasihat dan infrastruktur.

7



Pengurusan dan ketersediaan fasiliti sukan

Fasiliti dan prasarana sukan yang terhad terutamanya di kawasan luar bandar dan polisi penggunaan fasiliti yang tidak seragam menyebabkan masyarakat sukar untuk mengakses fasiliti sukan.

6



Jurang kecergasan & kesejahteraan antara komuniti

Kepelbagaian demografi dan lokaliti memberi cabaran kepada komuniti dalam mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif bermula daripada isi rumah.

5



Kurang usaha kerjasama

Jurang kerjasama dan koordinasi melibatkan semua pemegang taruh masih menjadi halangan dalam membentuk sebuah negara bersukan.

4



Merapatkan jurang kesihatan dan gaya hidup bersukan antara komuniti



Perancangan pembangunan sukan secara kolektif



Memacu penggunaan teknologi inovatif dalam sukan



Aspirasi VSN2030

Menyokong perkembangan semua jenis sukan



Pembangunan sukan prestasi tinggi yang mampan dan berintegriti



8 aspirasi utama telah digariskan di bawah VSN2030 selari dengan hasrat untuk mewujudkan sebuah ekosistem sukan yang inklusif untuk mencapai status 'Negara Bersukan'.

Pengurusan fasiliti sukan yang mesra rakyat



Ekosistem pembangunan bakat yang terancang dan lestari



Pengiktirafan industri sukan sebagai penyumbang kepada ekonomi negara



Ke Arah Kemajuan Sukan Untuk Semua

INI VISI KITA


INI VISI KITA



Membentuk masyarakat yang lebih sejahtera

- Muhammad Amirruddin bin Harun

VSN2030 merupakan suatu pelan pembangunan sukan yang menggunakan pendekatan perancangan bersama untuk melaksanakan inisiatif secara bersasar dan berlandaskan data. Ini bagi mendukung aspirasi sukan negara di mana pembangunan sukan memerlukan perspektif dan kerjasama strategik di setiap peringkat menjelang 2030.



INI VISI KITA

INI VISI KITA

KITA

**“Meningkatkan prestasi atlet di
persada dunia & melahirkan ramai
atlet bertaraf dunia”**

- Farah Ann Binti Abdul Hadi





2

Prinsip Panduan

Punca Kuasa Pembangunan Sukan	35
Rujukan Dasar Berkaitan	36
Nilai Teras	46

Punca Kuasa Pembangunan Sukan

“Sistem sokongan pendidikan berkualiti kepada jurulatih dan pemula pengurus sukan supaya dapat melahirkan lebih ramai pengurus sukan bervisi, berilmu dan bermotivasi tinggi.”


- Khairul Nizam

VSN2030 dibangunkan berpandukan akta dan undang-undang yang melibatkan pembangunan sukan di Malaysia.



Rajah 3.1

Rujukan Dasar Berkaitan



Pembangunan VSN2030 dirangka selaras dengan agenda nasional dan matlamat bersama ke arah negara yang sihat, mampan dan bahagia.

Pembangunan sukan yang komprehensif dan inklusif sangat penting bagi memastikan penyatuan dan penyelarasan usaha dalam mencapai matlamat bersama.

Untuk dicapai

Visi ini dibangunkan selaras dengan polisi dan dasar berikut bagi menyatukan dan menyelaraskan usaha dalam mencapai matlamat bersama.

Disokong oleh

Visi ini juga disokong oleh dasar dan perancangan KBS bagi memastikan kelestarian pembangunan sukan yang stabil.

Rajah 3.2

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) adalah sebuah dokumen yang menggariskan matlamat 10 tahun negara untuk menyusun semula ekonomi buruh-intensif berkemahiran rendah kepada ekonomi berasaskan pengetahuan, di mana warganya akan mampu untuk menikmati taraf hidup yang lebih baik dari sebelumnya.

Komitmen VSN2030

VSN2030 menyokong WKB2030 dalam usaha mencapai potensi ekonomi yang lebih mampan dan mampu dikongsi dengan lebih adil dan saksama oleh segenap lapisan rakyat melalui:

- ▶ **Pembangunan industri sukan yang lestari**
- ▶ **Memanfaatkan budaya sukan sebagai daya penyatuan**
- ▶ **Peluang menikmati kemudahan akses sukan untuk semua**





Rancangan Malaysia Ke-12

Kerajaan Malaysia sentiasa meletakkan kesejahteraan rakyat sebagai fokus utama dalam pembangunan negara. Selaras dengan itu, Bab 4 di dalam dokumen RMKe-12 telah ditambah baik dengan memperkukuh penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan serta menggalakkan gaya hidup aktif.

Bidang Keutamaan D iaitu “Memanfaatkan Sukan dalam Membina Masyarakat yang Aktif” memberi penekanan dalam menggalakkan lebih ramai masyarakat di negara ini untuk terus terlibat dalam aktiviti sukan dan rekreasi ke arah membentuk rakyat Malaysia yang mengamalkan gaya hidup aktif, meningkatkan penyertaan sukan di peringkat antarabangsa dan melonjakkan sumbangan industri sukan kepada ekonomi.

Komitmen VSN2030

VSN2030 menyokong penuh objektif RMKe-12 dalam memanfaatkan sukan dalam **membina masyarakat yang aktif** melalui penekanan berikut:

- ▶ Menggalakkan sukan untuk kehidupan aktif dan sihat
- ▶ Meningkatkan kecemerlangan sukan
- ▶ Membangunkan industri sukan

Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia

Hala tuju Pelan Pembangunan Ekonomi Digital bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi digital yang berpendapatan tinggi. Pelan ini menyasarkan supaya Malaysia menjadi penyedia penyelesaian digital dan pengeluar produk digital serantau.

Komitmen VSN2030

VSN2030 bersedia untuk bergerak seiringan dengan MyDigital dalam menjadi pemangkin ke arah transformasi digital untuk semua pihak di dalam industri sukan.

- ▶ **Memperkasakan pendigitalan ekosistem sukan**
- ▶ **Pertimbangan keputusan berteraskan data**
- ▶ **Meningkatkan keupayaan ekonomi di kalangan pemain industri sukan**





Dasar Perpaduan Negara

Dasar Perpaduan Negara ialah satu dokumen strategi jangka panjang dan usaha berterusan yang dirangka untuk menetapkan hala tuju perpaduan negara dalam memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan di kalangan rakyat Malaysia.

Komitmen VSN2030

Sejajar dengan Dasar Perpaduan Negara, VSN2030 juga memberikan penekanan terhadap usaha memupuk budaya sukan yang berterusan dalam usaha memperkasa integrasi sosial dan semangat identiti nasional di kalangan rakyat Malaysia.

- ▶ **Memanfaatkan sukan dalam mempromosikan pembangunan sesebuah komuniti**
- ▶ **Mencapai kecemerlangan sukan yang membanggakan dalam mempertingkatkan semangat nasionalisme dan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia**
- ▶ **Mengasah ahli sukan yang berkeperibadian tinggi dan merangkumi nilai-nilai Malaysia yang utuh**

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025

Matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia adalah untuk memastikan sistem pendidikan negara mampu mempersiapkan para pelajar supaya lebih berdaya maju dan membolehkan mereka memenuhi potensi diri yang sebenar.

Komitmen VSN2030

VSN2030 dihasilkan selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dalam usaha padu pihak KBS, KPM dan KPT untuk terus memastikan kesinambungan pembangunan bakat-bakat muda negara.

- ▶ **Meneruskan perkembangan pembangunan sukan yang holistik melalui program-program pembangunan bermula dari peringkat sekolah**
- ▶ **Meningkatkan kesedaran sukan melalui dasar 1Murid 1Sukan**
- ▶ **Menyokong pemeraksanaan status sekolah sukan dalam memberikan pendedahan, infrastruktur dan fasiliti terbaik kepada atlet**



Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

2013-2025

(Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)





ASEAN 2025: FORGING AHEAD TOGETHER



one vision, one identity, one community

ASEAN 2025: *Forging Ahead Together*

Menggalakkan kerjasama dalam pembangunan sukan dan mengembangkan program sukan yang lebih komprehensif dan inklusif untuk mendorong gaya hidup sihat dan aktif.

Komitmen VSN2030

VSN2030 mampu menepati elemen ASEAN 2025 untuk menjadi pemangkin kepada kerjasama yang lebih jitu di kalangan negara-negara di rantau Asean.

- ▶ **Mempromosikan pertukaran pengetahuan dan teknologi di kalangan negara serantau**
- ▶ **Memperhebatkan gaya hidup sihat melalui pengukuhan kerjasama dengan pemain industri di rantau Asean**
- ▶ **Menjadikan Malaysia sebagai hab serantau untuk kemudahan dan perkhidmatan sukan**

United Nations Sustainable Development Goals 2030

Perjuangan menangani isu doping dalam sukan digariskan melalui dua prinsip asas:

- ▶ Perlindungan kesihatan fizikal dan mental atlet dari taraf amatur, profesional hingga berkelas dunia.
- ▶ Pemeliharaan etika dan nilai sukan yang kukuh.

Komitmen VSN2030

VSN2030 menyokong penuh usaha Agensi Anti Doping Dunia yang dikelolakan oleh UNESCO dalam memerangi penyalahgunaan bahan terlarang di kalangan atlet.

- ▶ Memberi pendidikan yang sewajarnya dalam pembangunan seseorang atlet terhadap langkah-langkah yang perlu dititikberatkan berkaitan hal ehwal doping
- ▶ Menggalakkan penyertaan atlet di dalam konvensyen dan program-program anti-doping antarabangsa yang mampu memberi manfaat kepada atlet dan sukan secara keseluruhan





United Nations Sustainable Development Goals 2030 (UN-SDGs) telah diperkenalkan pada tahun 2015 sebagai pelan tindakan universal dalam usaha membasmi kemiskinan, melindungi bumi dan memastikan setiap lapisan masyarakat mampu menikmati keamanan dan kesejahteraan dunia sejangat.

Komitmen VSN2030 di dalam kesinambungan SDGs:

Matlamat 3:
Kesihatan dan kesejahteraan yang baik

Matlamat 5:
Kesaksamaan jantina


Matlamat 9:
Industri, inovasi dan infrastruktur

Matlamat 10:
Mengurangkan ketidaksamaan

Matlamat 11:
Bandar dan komuniti yang lestari

VSN2030 merupakan pelan yang komprehensif


VSN2030 dibangunkan dengan berpandukan kepada dasar dan polisi nasional. Ini bagi memastikan setiap pelan tindakan VSN2030 mampu mencapai kesinambungan yang holistik dengan usaha pelbagai pihak bagi memacu pertumbuhan industri sukan yang mampan.




Memperjuangkan inklusiviti dan kebolehcapaian akses




Mempromosikan penyertaan dan kesukarelaan rakyat



Menerapkan teknologi dan transformasi terkini



Memupuk dan menyokong pembangunan bakat dalam sukan



Menyokong pembangunan industri sukan yang lestari




Menekankan ketelusan ke arah pentadbiran yang baik dalam organisasi sukan



Pelaksanaan strategi dan inisiatif VSN2030 adalah berlandaskan prinsip-prinsip panduan perancangan negara dan global.

Visi Sukan Negara 2030 berpegang kepada nilai-nilai berikut:



Nilai Teras

Penerapan nilai-nilai teras ini memastikan VSN2030 melaksanakan strategi dan inisiatif yang berlandaskan prinsip-prinsip panduan perancangan kerajaan Malaysia dan organisasi antarabangsa.

“Sukan pengikat perpaduan bangsa, pemangkin kecergasan rakyat, penggalak ekonomi negara, pencetus hubungan antarabangsa.”
- Joey Joshua

Rajah 3.4



“Mengambil kira Universiti sebagai salah satu medan pencarian bakat baru bagi mewakili negara”

- Muhammad Zul Azri Abu Bakar

VISI SUKAN NEGARA 2030

3

Kanvas VSN2030

Perjalanan Kanvas VSN2030	49
Fakta Ringkas	50
Aspirasi Rakyat	53
Penemuan Utama	57



“Memperkasakan industri sukan sebagai bidang yang bernilai tinggi dan mampu menyatupadukan rakyat Malaysia!”


- Atiqah Rahim

Perjalanan Kanvas VSN2030

VSN2030 merupakan satu pendekatan oleh KBS untuk memberikan nafas baharu bagi arena sukan Malaysia. Konsep yang diketengahkan pada kali ini adalah **dari komuniti kepada komuniti** yang bertujuan untuk mencerminkan strategi VSN2030 yang direncanakan mengikut visi, aspirasi dan harapan yang telah dikongsikan oleh rakyat Malaysia. Sehubungan itu, program Kanvas VSN2030 telah dilancarkan oleh Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican pada 7 April 2021.

Fakta VSN2030



6 
340 

Fizikal

56 
8,387 

67,500 

Virtual



Bilangan Peserta

8,727

65



Sesi Libat
Urus



Bilangan Tontonan
Dalam Talian

67,500

Rajah 4.1



Tontonan
Dalam Talian



Bilangan
Peserta



Bilangan
Sesi Libat
Urus

Perjalanan Kanvas VSN2030



- Libat Urus Esukan VSN2030 Sesi #1
- Libat Urus Kanvas VSN2030 Peringkat Daerah Tumpat, Kelantan
- Sukan Prestasi Tinggi
- Libat Urus Esukan VSN2030 Sesi #2
- Technology & Innovation in Sports
- Sports & Economics: Understanding True Value of Sports
- Libat Urus Kanvas VSN2030 Peringkat Daerah Kemaman & Dungun, Terengganu
- Libat Urus VSN2030 Peringkat Negeri Sabah

- Libat Urus Kanvas VSN2030 Peringkat Negeri Sabah
- Libat Urus Kanvas VSN2030 Peringkat Daerah Sandakan, Sabah
- Libat Urus Kanvas VSN2030 Peringkat Negeri Selangor
- Bringing Varsity Sports into the Future
- Libat Urus Kanvas VSN2030 Peringkat Negeri Sembilan
- Libat Urus Kanvas VSN2030 Peringkat Daerah Kubang Pasu, Kedah
- Libat Urus VSN2030 Peringkat Daerah Kuala Selangor

- Libat Urus VSN2030 bersama Ahli-Ahli Majlis Perundangan Pelajar Kebangsaan – Pembentangan Aspirasi Pelajar Institusi Pengajian Tinggi
- Libat Urus Kanvas VSN 2030 Peringkat Daerah Sandakan, Sabah
- Libat Urus VSN2030 Bersama Tuanku Raja Muda Selangor

- Sport Technology Malaysia - A New Horizon
- Penemuan Hasil Kanvas VSN2030

Fasa Pembangunan Dokumen VSN2030

Ogos 2021

Sept 2021

Nov 2021

- Libat Urus VSN2030 Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan
- Libat Urus VSN2030 Peringkat Daerah Setiu, Terengganu
- Libat Urus VSN2030 Peringkat Negeri Johor
- Pengenalpastian dan Pembangunan Bakat Sukan (TID)
- Libat Urus Kanvas VSN2030 Peringkat Negeri Pahang (Hala tuju Sukan 2030 – Profesional vs Amatur)

- Libat Urus Kanvas VSN2030 Peringkat Negeri Kedah
- Libat Urus Kanvas VSN2030 Peringkat Daerah Kuala Muda, Kedah
- Libat Urus Kanvas VSN2030 Peringkat Negeri Pahang (Hub Sukan: Potensi Pelancongan Sukan)
- Libat Urus VSN2030 Peringkat Daerah Hulu Langat
- JBS Seremban, Negeri Sembilan



Aspirasi

Aspirasi Rakyat

Berdasarkan 4,887 aspirasi yang telah dikongsikan sepanjang Kanvas VSN2030, berikut adalah hasil penemuan aspirasi-aspirasi yang telah dikumpulkan:

Memperkasa sistem pendidikan, pembudayaan dan pembangunan sukan akar umbi.

325

responden

Menyatakan kepentingan penglibatan aktif murid dalam aktiviti sukan serta memperkasa subjek Pendidikan Jasmani di sekolah.

217

responden

Memastikan pelbagai fasiliti sukan disediakan kepada seluruh sekolah tanpa mengira demografi.

247

responden

Berharap agar Malaysia mewujudkan sekurang-kurangnya sebuah sekolah sukan di setiap negeri.



Rakyat

Majulah sukan negara sebagai penggalak pembinaan kualiti fizikal dan moral rakyat yang sesuai dengan aspirasi nasional.

- Danial Ismail



243

responden

Pembangunan bakat secara bersepadu, sistematik dan berterusan.

Mencadangkan agar usaha harus ditingkatkan dalam memperkasa strategi pembangunan bakat secara lebih sistematik.

80

responden

Menyatakan kepentingan untuk mewujudkan pusat perkembangan bakat secara serantau atau zon agar dapat melaksanakan program dan pengurusan bakat secara berterusan dan teratur.

257

responden

Menyatakan bahawa pentingnya untuk menggalakkan penggunaan sains, teknologi dan data dalam usaha pencarian bakat yang lebih efektif dan efisien.



Menambah baik program pembangunan atlet prestasi tinggi

490
responden

Menyuarakan bahawa semua elemen dalam ekosistem sukan harus diambil kira dalam merencana satu program pembangunan sukan yang holistik agar dapat dilaksanakan di peringkat komuniti, sekolah, IPT, dan belia.

358
responden

Berharap lebih banyak pengambilan jurulatih dan pemain import yang bertujuan untuk memberi pendedahan, perkongsian ilmu dan kepakaran dalam meningkatkan kualiti kejurulatihan dan bakat sukan di Malaysia.

258
responden

Menyatakan bahawa penggunaan teknologi dan inovasi amat kritikal bagi menyokong sistem pembangunan atlet berprestasi tinggi.

Menaik taraf sukan sebagai kerjaya profesional

175
responden

Mahu Malaysia menaik taraf kerjaya jurulatih dengan pengiktirafan kerajaan serta mengukuhkan modal pembangunan pasca kerjaya atlet dengan modul yang lebih mampan.

Mencari bakat muda yang berkualiti dan memperbanyakkan pemilihan sukan.

- Alif Hakim



INI VISI KITA

INI VISI KITA

Pemeriksaan industri sukan

387
responden

Mahu Malaysia menjadi sebagai hab industri sukan yang berdaya saing melalui peranan KBS & MOTAC sekaligus menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan sukan.

245
responden

Menggalakkan syarikat jenama sukan tempatan untuk terus berkembang serta meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan sukan untuk pasaran domestik dan antarabangsa.

Memperkasa peranan persatuan sukan

238
responden

Menggalakkan kerjasama badan korporat bagi membantu persatuan sukan menjana pendapatan.

214
responden

Berharap agar memperkasakan sistem penilaian akreditasi bagi memastikan kelab/persatuan sukan beroperasi mengikut satu set standard yang ditetapkan.

333
responden

Mencadangkan supaya latihan pengurusan diberikan kepada persatuan sukan secara konsisten agar dapat meningkatkan kualiti pengurusan yang lebih baik untuk mencapai profesionalisme bertaraf antarabangsa.

Penemuan Utama

Topik utama yang telah dibincangkan sepanjang Kanvas VSN2030:

INI VISI KITA

KITA



INI VISI KITA

Pembudayaan Sukan

- ▶ Malaysia membasmi diskriminasi jantina, OKU dan komuniti.
- ▶ Pendidikan asas sukan harus bermula dari bangku sekolah.
- ▶ Karnival Sukan sebagai platform untuk menggalakkan sukan di kalangan komuniti.
- ▶ Media sosial sebagai medium bagi mempromosikan gaya hidup aktif.


Kegemilangan Sukan

- ▶ Atlet negara yang berpendidikan, berkerjaya dan profesional.
- ▶ Latihan jurulatih, atlet dan pegawai sokongan yang seragam dan berterusan.
- ▶ Sukan Paralimpik sebagai mekanisme pembangunan sosial kepada golongan OKU.
- ▶ Pembangunan sukan prestasi tinggi berdasarkan amalan terbaik (*best practices*).

Industri Sukan

- ▶ Kerjasama antara kerajaan dan industri sukan sebagai pemacu pembangunan sukan negara.
- ▶ Pengguna terlibat dalam mendorong penyelesaian inovatif dalam industri sukan.
- ▶ Pangkalan data sukan bersepadu sebagai sumber rujukan statistik kesukanan.

VSN
Sukan
Negara



W
lisis
an
yara

Pembangunan Bakat

- ▶ Model pengenalpastian bakat yang berpandukan data.
- ▶ Tahap kecergasan rakyat Malaysia yang tinggi yang boleh menyumbang kepada peningkatan sumber kumpulan bakat negara.
- ▶ Pembangunan bakat sukan adalah tanggungjawab semua termasuk badan kerajaan, komuniti dan ibu bapa.

Profesionalisme Sukan

- ▶ *Safe Sports, Clean Sports* dan *Fair Play* diperluaskan dalam ekosistem sukan Malaysia.
- ▶ Kesenambungan hala tuju dan dasar sukan yang konsisten dan berpaksikan aspirasi rakyat.
- ▶ Pembangunan sukan yang adil dan berteraskan data.
- ▶ Personel sukan yang profesional, berintegriti dan berkemahiran tinggi.

Hab Sukan

- ▶ Hab dan fasiliti sukan yang selamat dan mesra keluarga, OKU dan semua lapisan masyarakat.
- ▶ Masyarakat awam mendapat akses kepada kepakaran dan perkhidmatan sukan profesional.
- ▶ Malaysia menjadi destinasi pilihan pelancongan sukan (*sports tourism*) seperti perubatan serta penganjuran temasya sukan.
- ▶ Pengurusan fasiliti sukan yang mengikut amalan terbaik.
- ▶ Fasiliti sukan bersedia untuk mengaplikasikan teknologi terkini.

Azri@Cupin

XAX
XAX

"Agar jurulatih-jurulatih tempatan diberi lebih peluang untuk menimba pengalaman"

- Datuk Noorul Ariffin Abdul Majeed

MSNSEL - Rizal

huib Hashim

ZAINAL

hazali Salleh

MSNK - Zulk

MSNS - HABIZ

Zul Azi





Visi Sukan Negara

Kerangka Strategik	61
6 Teras dan Objektif	62
Ringkasan Teras Strategi dan Inisiatif	63

Kenyataan Visi

Malaysia sebagai sebuah negara bersukan yang mengamalkan sukan secara inklusif, adil dan selamat serta berdaya saing dalam mencapai kecemerlangan di peringkat antarabangsa.

Kriteria Negara Bersukan:




Malaysia Aktif

2/3 rakyat Malaysia bersenam dan aktif bersukan sekurang-kurangnya 5 sesi seminggu, 30 minit setiap sesi.



Malaysia Cemerlang


Pencapaian sukan prestasi tinggi yang konsisten dan terancang.



Sukan Sebagai Satu Ekonomi

Industri Sukan sebagai pemacu dan penggerak utama pembangunan sukan negara.

KERANGKAIKA STRATEGI



VISI

Malaysia mencapai status Negara Bersukan menjelang 2030

OBJEKTIF

Rakyat Malaysia mengamalkan gaya hidup aktif

Mencapai kecemerlangan sukan berterusan

Industri sukan yang kukuh dan berdaya saing

TERAS 1

Pembudayaan Sukan

STRATEGI

- ▶ Penglibatan & pendidikan sukan untuk semua
- ▶ Sukan sebagai agen perpaduan
- ▶ Pengukuhan kerjasama komuniti-awam-swasta

16 Inisiatif

TERAS 2

Kegemilangan Sukan

STRATEGI

- ▶ Pembangunan atlet secara bersepadu
- ▶ Pemerksaan kecemerlangan kejurulatihan
- ▶ Pengukuhan sistem sokongan sukan prestasi tinggi

18 Inisiatif

TERAS 3

Industri Sukan

STRATEGI

- ▶ Transformasi industri sukan
- ▶ Pemerksaan sains, teknologi & inovasi sebagai pemangkin industri sukan
- ▶ Pengukuhan industri berteraskan data

12 Inisiatif

TERAS 4

Pembangunan Bakat

STRATEGI

- ▶ Pengukuhan model pembangunan bakat sukan kebangsaan
- ▶ Pengaplikasian teknologi pembangunan bakat
- ▶ Pengukuhan kerjasama strategik dalam dan luar negara

10 Inisiatif

TERAS 5

Profesionalisme Sukan

STRATEGI

- ▶ Membangunkan organisasi sukan yang cekap, selamat, berintegriti dan adil
- ▶ Peningkatan pengetahuan dan kepakaran personel sukan
- ▶ Penaiktarafan kerjaya dalam sukan

10 Inisiatif

TERAS 6

Hab Sukan

STRATEGI

- ▶ Peningkatan aksesibiliti dan tadbir urus prasarana sukan
- ▶ Hab yang berpaksikan fasiliti, perkhidmatan dan kepakaran

8 Inisiatif

Teras 1

Pembudayaan Sukan

Teras Pembudayaan Sukan merangkumi perspektif yang luas dalam usaha kerajaan memupuk semangat kesukanan dan gaya hidup yang aktif dalam semua lapisan masyarakat. 3 strategi utama yang dicadangkan adalah penglibatan & pendidikan, sukan sebagai agen penyatuan dan kerjasama antara komuniti.

Komponen utama teras ini adalah penerapan budaya sukan di peringkat akar umbi selaras dengan aspirasi "Keluarga Malaysia". Selain itu, ekosistem sukan di Malaysia perlu menyediakan platform yang inklusif dan selamat agar semua rakyat Malaysia boleh menjalankan aktiviti sukan dalam persekitaran yang kondusif.

Objektif

Gaya hidup aktif dalam persekitaran yang inklusif dan selamat.

Permudahkan generasi muda mendapatkan lesen / sijil kejurulatihan bagi meningkatkan mutu sukan negara.

- Sheryl Saad





S1




Penglibatan & pendidikan budaya sukan yang bermula dari isi rumah

S2



Sukan agen penyatuan rakyat

S3




Memupuk kerjasama komuniti-awam-swasta



Pendidikan dan penglibatan sukan menzahirkan gaya hidup aktif yang menjadi sebahagian dari identiti nasional rakyat Malaysia



Sukan sebagai pemangkin semangat patriotik dan perpaduan melalui penyertaan pelbagai komuniti.



Ekosistem yang memanfaatkan kerjasama semua pihak dalam melahirkan sesebuah komuniti sukan.

S1. Penglibatan & pendidikan budaya sukan yang bermula dari isi rumah

Hasil utama strategi ini adalah membangunkan sebuah ekosistem sukan yang lebih menggalakkan semua lapisan masyarakat bersukan terutamanya di peringkat keluarga.

No	Inisiatif	Ciri-Ciri	Keberhasilan
1	Meningkatkan amalan bersukan dan mencungkil bakat sukan dari akar umbi	<ul style="list-style-type: none"> Melalui program seperti <i>Malaysia Sports League</i> dan <i>Fit Malaysia X</i> Fokus kepada isi rumah Pendidikan di sekolah 	<ul style="list-style-type: none"> Majoriti setiap golongan masyarakat mencapai status Sangat Aktif
2	Meningkatkan keseimbangan lokality dalam pelaksanaan sukan	<ul style="list-style-type: none"> Memupuk semangat 'dari komuniti untuk komuniti' 	<ul style="list-style-type: none"> Pembangunan sukan di kawasan kediaman mengikut kapasiti setempat
3	Meningkatkan penglibatan golongan rentan dan berisiko	<ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan dasar anti-diskriminasi yang seragam 	<ul style="list-style-type: none"> Tiada diskriminasi jantina, latar belakang dan bangsa dalam aktiviti sukan
4	Meningkatkan kesejahteraan mental dan fizikal secara seimbang	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan kajian tahap kesihatan mental dan fizikal rakyat Malaysia 	<ul style="list-style-type: none"> Bersukan meningkatkan kesihatan mental dan fizikal
5	Memperkasa instruktur/jurulatih di peringkat komuniti	<ul style="list-style-type: none"> Pangkalan data jurulatih awam bertauliah 	<ul style="list-style-type: none"> Penambahbaikan sistem kejurulatihan





Sukan sebagai budaya. Kesemua rakyat mendapat kelebihan yang sama dalam faktor fasiliti sukan. Hal ini dapat mencungkil bakat-bakat baru sekaligus akan berjaya melahirkan pelapis yang berkualiti tinggi untuk mewakili negara.

- Reza Mohd.



No	Inisiatif	Ciri-Ciri	Keberhasilan
6	Memupuk ekosistem sukan yang inklusif dan selamat	<ul style="list-style-type: none">▶ Penguatkuasaan polisi <i>Safe Sports</i>▶ Penguatan sistem aduan dan penguatkuasaan berkenaan sukan	<ul style="list-style-type: none">▶ Mewujudkan persekitaran ekosistem sukan yang selamat
7	Memperluaskan capaian perkhidmatan sukan melalui penggunaan teknologi terkini	<ul style="list-style-type: none">▶ Pusat data sukan yang bersepadu dan berlandaskan prinsip Analitis Data Raya	<ul style="list-style-type: none">▶ Penyediaan sebuah platform bersepadu dengan capaian yang luas dan mesra pengguna

S2. Sukan sebagai agen perpaduan

Hasil utama strategi ini adalah memastikan sukan berperanan sebagai agen penyatuan dan perpaduan rakyat menjangkau fahaman politik, serta budaya.

“
Mempertingkatkan pembangunan sukan di peringkat akar umbi
- Amir Afif
”

No	Inisiatif	Ciri-Ciri	Keberhasilan
1	Melaksanakan program sukan berteraskan penglibatan semua kaum	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan program khusus mengikut lokaliti dan budaya setempat Kerjasama pemimpin komuniti 	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan penyertaan secara inklusif dalam program sukan
2	Memperkasakan program sukan rakyat di peringkat akar umbi	<ul style="list-style-type: none"> Pemeriksaan kerjasama kerajaan tempatan bagi menggalakkan karnival/program sukan rakyat 	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan jumlah program dan bilangan penyertaan di peringkat komuniti
3	Menggalak dan memperkukuhkan kesukarelawan sukan	<ul style="list-style-type: none"> Pengiktirafan sukarelawan Menyediakan insentif yang menarik Menggalakkan penyertaan semua peringkat umur 	<ul style="list-style-type: none"> Penglibatan masyarakat dalam melakukan program sukan komuniti Pelbagai peluang disediakan kepada sukarelawan
4	Meningkatkan semangat kesukanan dalam kalangan masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> Meraikan dan memupuk semangat kesukanan 	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan skor domain semangat kesukanan Pengamalan gaya hidup sihat

Hasil utama strategi ini adalah pengukuhan ekosistem sukan yang menggalakkan semua lapisan masyarakat bersukan.

Pengukuhan Kerjasama Komuniti - Awam - Swasta

S3.

No	Inisiatif	Ciri-Ciri	Keberhasilan
1	Meningkat dan memperhebat kerjasama rentas kementerian dalam pembangunan sukan	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Penjawat awam yang aktif, cergas dan sihat 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Sukan tahunan bagi agensi-agensi kerajaan
2	Mempertingkatkan penglibatan sektor swasta dalam program penggalakan sukan	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Menyediakan insentif yang menarik ▶ Hasil untuk jangka masa panjang 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Sektor swasta bergiat aktif menganjurkan pelbagai program kesukanan
3	Meningkatkan jalinan kerjasama pintar dengan organisasi sukan antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Penganjuran aktiviti sukan, persidangan dan program yang komprehensif 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Malaysia sebagai rakan kerjasama strategik
4	Menggalakkan penubuhan persatuan sukan di peringkat komuniti	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Pengiktirafan badan dan persatuan sukan sebagai wakil komuniti 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Ekosistem perwakilan sukan yang kukuh
5	Penyelarasan dan perkongsian data keaktifan rakyat Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Melaksanakan dasar keterbukaan data secara menyeluruh ▶ Memperluaskan kadar persampelan 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Sumber data yang luas dan berintegriti menjadi indikator keaktifan rakyat Malaysia

Teras 2

Kegemilangan Sukan

Teras Kegemilangan Sukan merangkumi pembangunan sukan berprestasi tinggi dan elit yang berpaksikan tiga kumpulan sasar iaitu atlet, jurulatih dan pegawai sokongan. Melalui penyepaduan pembangunan sukan prestasi tinggi, teras ini berhasrat untuk melahirkan jaguh tempatan di persada antarabangsa.

Pembangunan sukan prestasi tinggi dan elit di Malaysia memerlukan nafas baharu dalam perancangan jangka masa panjang. Bagi memastikan atlet negara terus mengharumkan nama negara, VSN2030 memberi penekanan pembangunan holistik yang merangkumi pembangunan atlet, jurulatih dan pegawai sokongan agar ekosistem sukan elit berkembang dan berdaya saing.

Objektif

Memacu kecemerlangan sukan berprestasi tinggi.



Memastikan atlet negara menjadi aspirasi kepada semua lapisan masyarakat agar dapat melahirkan jaguh sukan dari peringkat sekolah sehingga peringkat lebih tinggi.

- Akmal Rizal



S1



S2



S3



S1. Pembangunan atlet secara bersepadu

Hasil utama strategi ini adalah peningkatan prestasi atlet yang konsisten dan mapan melalui pendekatan secara bersepadu dan berdaya saing yang tinggi.

“Mempertingkatkan pembangunan sukan diperingkat akar umbi dalam semua jenis sukan.

- J. Chua

No	Inisiatif	Ciri-Ciri	Keberhasilan
1	Memperkuhkan program latihan atlet yang intensif dari peringkat akar umbi	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Penghasilan atlet bermula di peringkat akar umbi 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Peningkatan prestasi atlet di setiap peringkat ▶ Peningkatan jumlah penglibatan atlet di peringkat antarabangsa ▶ Meningkatkan jumlah atlet berbakat di peringkat akar umbi
2	Mempertingkatkan dan menambahbaik Pusat Latihan Khusus Kebangsaan (<i>National Dedicated Training Centre</i>) dan Negeri	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Fasiliti khusus digunakan oleh atlet bagi tujuan pembangunan dan latihan 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Memperluaskan akses kepada atlet untuk menjalani latihan
3	Mewujudkan <i>Forward Based Training Centre (FBTC)</i> Malaysia di luar negara	<ul style="list-style-type: none"> ▶ FBTC bergantung kepada kepakaran negara dan bersasar 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Menyediakan platform latihan atlet di peringkat antarabangsa

No	Inisiatif	Ciri-Ciri	Keberhasilan
4	Memperbanyak penganjuran kejohanan sukan di pelbagai peringkat	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Kerjasama rapat bersama <i>National Sports Associations</i> (NSA) dan pemegang taruh sukan 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Peningkatan persekitaran yang kompetitif ▶ Menambah peluang kepada atlet untuk menyerlahkan potensi ▶ Peningkatan pendedahan dan pengalaman pegawai serta jurulatih sukan prestasi tinggi
5	Membangunkan dan melaksanakan Model Pembangunan Sukan Berprestasi Tinggi Negara	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Pelaksanaan pelan tindakan Model Pembangunan Sukan Prestasi Tinggi di setiap peringkat 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Model Pembangunan Sukan Prestasi Tinggi yang lebih berstruktur, seragam dan terancang
6	Mengukuhkan program sokongan atlet menerusi prinsip <i>Long-Term Athlete Development</i> (LTAD)	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Jaminan kebajikan atlet di bawah MSN 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Peningkatan peluang kerjaya dan pendidikan

“

Sukan bertaraf tinggi dan antarabangsa! Mampu menjadi juara no.1 di dunia! Go Malaysia.

- Amiruddin Amin

”

S2. **Pemeriksaan kecemerlangan kejurulatihan**

Hasil utama strategi ini adalah pembangunan jurulatih yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang bertaraf antarabangsa.

No	Inisiatif	Ciri-Ciri	Keberhasilan
1	Pelaksanaan kurikulum pendidikan kejurulatihan berterusan	<ul style="list-style-type: none"> Pembangunan kurikulum yang komprehensif 	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan kompetensi kejurulatihan
2	Peningkatan kualiti pembelajaran menerusi sistem pendigitalan kejurulatihan	<ul style="list-style-type: none"> Pembelajaran dan pengajaran yang berkualiti secara atas talian 	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan akses kepada kursus secara atas talian
3	Penyediaan peluang latihan bagi kelayakan pensijilan antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> Pensijilan jurulatih yang diterajui oleh badan sukan 	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan bilangan jurulatih yang mendapat akreditasi antarabangsa.
4	Pembangunan program pertukaran kejurulatihan	<ul style="list-style-type: none"> Kerjasama dengan badan sukan antarabangsa 	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan pengetahuan berdasarkan <i>knowledge sharing</i>

No	Inisiatif	Ciri-Ciri	Keberhasilan
5	Meningkatkan penglibatan atlet dalam bidang kejurulatihan	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Lualan kerjaya atlet 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Menyediakan perjalanan karier atlet ▶ Peningkatan penglibatan atlet dalam bidang kejurulatihan
6	Memperluaskan pengiktirafan sukan elit baharu	<ul style="list-style-type: none"> ▶ eSports ▶ Sukan baharu 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Pengiktirafan pelbagai jenis sukan

“

Setiap agensi kerajaan diberi KPI wajib dan mempunyai peruntukan khas (melalui KBS) untuk melaksanakan Liga Sukan Dalam melalui kelab keluarga / NGO berkaitan.

- **Muhamad Adib**

”

S3. Pengukuhan sistem sokongan sukan prestasi tinggi

Hasil utama strategi ini adalah mengukuhkan sistem sokongan berdasarkan amalan terbaik sukan prestasi tinggi. Usaha meningkatkan kualiti pegawai sokongan bermula dari latihan dan pendedahan yang terancang dan bersasar agar ekosistem sukan prestasi tinggi negara mempunyai sistem sokongan yang kukuh dan bertaraf antarabangsa.

No	Inisiatif	Ciri-Ciri	Keberhasilan
1	Pengiktirafan pegawai teknikal oleh badan sukan antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Pegawai teknikal yang kompeten 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Peningkatan penglibatan pegawai teknikal negara di peringkat antarabangsa
2	Pelaksanaan program khusus bagi menempatkan pentadbir sukan dalam badan sukan antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Kualiti pentadbir badan sukan 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Perwakilan yang memberi sumbangan kepada sukan negara
3	Memperkasakan perkhidmatan sains, perubatan dan teknologi sukan bersepadu berdasarkan amalan terbaik	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Pembangunan sukan berasaskan sains dan teknologi ▶ Pengaplikasian <i>Insight-driven Solution</i> 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Peningkatan penawaran & kepakaran perkhidmatan sains dan perubatan sukan ▶ Program pendidikan sains/ perubatan sukan ▶ Peningkatan pelaksanaan penyelidikan aplikasi dalam sukan

No	Inisiatif	Ciri-Ciri	Keberhasilan
4	Memperkasakan mekanisme pemantauan prestasi atlet	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Penggunaan teknologi/data berintegriti ▶ Pewujudan polisi/garis panduan pengendalian data atlet yang bersepadu ▶ Kerjasama semua pihak pemegang taruh 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Meningkatkan kemudahan capaian data atlet dan sukan ▶ <i>Performance Dashboard</i>
5	Mempertingkatkan kerjasama bersama negara-negara yang mempunyai pencapaian di peringkat Olimpik dan Paralimpik	<ul style="list-style-type: none"> ▶ <i>Sports Diplomacy</i> 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Malaysia sebagai rakan strategik negara bersukan
6	Menyediakan kursus yang diiktiraf oleh badan antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Kerjasama bersama persatuan sukan kebangsaan dan antarabangsa 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Kualiti kursus yang menepati piawaian antarabangsa

“

Penggunaan teknologi dan inovasi amat kritikal bagi menyokong sistem pembangunan atlet berprestasi tinggi.

- Ahmad Zaki

”

Teras 3

Industri Sukan

Teras Industri Sukan memberikan penumpuan yang khusus dan inklusif merangkumi pembangunan ekosistem industri sukan. Industri sukan dilihat semakin berkembang dan mempunyai potensi serta memberi impak yang cukup besar kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Industri sukan memberi sumbangan yang signifikan terhadap rangkaian sektor ekonomi lain seperti pelancongan, pengilangan dan perdagangan. Pemerkasaan industri sukan akan memastikan sektor ini dapat dikawal selia dan dibangunkan secara lebih sistematik bagi menjadikannya sebagai sebuah industri yang bernilai tinggi.

Objektif

Sukan sebagai industri bernilai tinggi.



Saya mengimpikan sebuah industri sukan yang kompetitif dan berdaya-maju, lalu mampu menyumbang nilai tambah terhadap pembangunan ekonomi negara yang lestari.

- Supardi Shah




Strategi

S1



Transformasi industri sukan

S2



Pemeriksaan sains, teknologi & inovasi sebagai pemangkin industri sukan

S3



Penguatan industri berteraskan data



Sasaran 2030



Sektor sukan sebagai sebuah industri yang menyumbang kepada ekonomi negara



Industri sukan yang inovatif dan berdaya saing



Penggunaan data sebagai penyumbang kepada penciptaan nilai (*value creation*)

S1. Transformasi industri sukan

Strategi ini memberi tumpuan kepada transformasi industri sukan sebagai penyumbang kepada ekonomi negara melalui penajaan pekerjaan, pembuatan, dan perkhidmatan yang berdaya saing. Industri sukan perlu mengadaptasi kaedah penyelesaian norma baharu bagi mengharungi era pasca pandemik Covid-19.

No	Inisiatif	Ciri-Ciri	Keberhasilan
1	Pembangunan dasar industri sukan	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Pendefinisian dan penentuan skop secara terperinci ▶ Komprehensif dan holistik ▶ Berpandukan data 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Penggubalan pelan tindakan yang akan menjadi hala tuju pembangunan industri sukan Malaysia
2	Memperkuh dan memperluas pengkomersialan sukan	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Penghasilan produk sukan yang berkualiti ▶ Produk yang diiktiraf oleh pemain industri 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Menggalakkan pengeluaran jenama sukan tempatan
3	Menambahbaik struktur insentif percukaian	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Suntikan bukan fiskal kepada industri ▶ Pemangkin daya tahan industri 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Meluaskan insentif cukai kepada pihak industri ▶ Meningkatkan pelaburan dan perkembangan industri sukan
4	Mewujudkan badan pengawal seliaan, pembangunan dan pemantauan industri sukan	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Kawal selia dan pemantauan 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Pengurusan dan penyeliaan industri sukan secara sistematik
5	Membangunkan perniagaan sukan untuk pasaran global	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Kebolehpasaran produk tempatan ke pasaran antarabangsa 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Produk perniagaan sukan bertaraf antarabangsa

Hasil utama strategi ini adalah membangunkan industri sukan ke arah penyelesaian inovatif dan berdaya saing. Malaysia berpotensi dijadikan sebagai pusat penyelidikan dan ujian pelbagai teknologi dan model baharu terutamanya dalam bidang sains, teknologi & inovasi (STI).

Pemeriksaan sains, teknologi & inovasi sebagai pemangkin industri sukan

S2.

No	Inisiatif	Ciri-Ciri	Keberhasilan
1	Memperkasakan R&D sukan	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Kerjasama kepakaran tempatan ▶ Rangkaian industri (<i>industry linkage</i>) 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Produk tempatan hasil R&D untuk pasaran dalam dan luar negara ▶ Meningkatkan kualiti produk sukan tempatan ▶ Peluang kerjaya baharu
2	Mewujudkan kumpulan dana STI sukan	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Penyelidikan & pembangunan ▶ Harta intelek dan pengkomersialan 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Kumpulan dana penyelidikan industri sukan
3	Menggalakkan <i>start-up</i> teknologi sukan	<ul style="list-style-type: none"> ▶ <i>Public-Private Partnership</i> (PPP) ▶ Kerjasama MaGIC, TPM, Futurise dan MOSTI 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Menghasilkan syarikat <i>start-up</i> sukan ▶ Mewujudkan ekosistem baharu bagi pembangunan <i>start-up</i> sukan ▶ Pewujudan peluang pekerjaan

No	Inisiatif	Ciri-Ciri	Keberhasilan
4	Mewujudkan model <i>sports sandbox</i> untuk memacu R&D	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Fasiliti pengujian ▶ Kerjasama strategik 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Bilangan produk dan perkhidmatan baru sukan yang berasaskan teknologi
5	Mewujudkan syarikat peneraju STI	<p>Mengikut Bidang Khusus</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ TEAMMAS ▶ Sistem Pintar (<i>single landing page</i>) AgileMAS sebagai <i>aggregator</i> dataraya sukan dan kecergasan ▶ Pengumpulan data-data <i>genomic</i> ▶ Produk nutrisi untuk pasaran eksport dan tempatan ▶ Penubuhan <i>ASEAN Centre of Excellence (COE) for Sports Coaching</i> 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Pemeraksanaan <i>champion Big Data - Analitik</i> sukan kebangsaan ▶ Pemeraksanaan <i>champion Big Data – Genomic</i> sukan kebangsaan ▶ Pemeraksanaan pengeluaran produk makanan sukan kebangsaan



Keputusan dan perancangan yang melibatkan industri sukan perlu berlandaskan data dan maklumat yang luas dan tepat. Ini perlu disokong oleh ketersediaan dan kebolehcapaian data sebagai sumber rujukan untuk menjamin penciptaan nilai (*value creation*). Penumpuan terhadap penjaanan dan pemprosesan data industri sukan adalah penting dalam memastikan semua keputusan dan pelaksanaan insentif dijalankan secara bersasar dan dipantau secara teliti.

Pengukuhan Industri Berteraskan Data

S3.

No	Inisiatif	Ciri-Ciri	Keberhasilan
1	Mewujudkan Akaun Satelit Sukan	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Instrumen pengukuran sumbangan sektor sukan dalam ekonomi ▶ Kerjasama DOSM 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Pengukuran prestasi industri sukan negara
2	Membangunkan pangkalan data industri sukan bersepadu	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Pangkalan data bersepadu ▶ Pengumpulan data ▶ Pembangunan aplikasi 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Menjadi sumber rujukan data berpusat ▶ Memudahkan analisis dalam membuat keputusan

“

Inisiatif berteraskan teknologi hijau kepada fasiliti sukan bagi mengurangkan kadar bayaran sewa yang relevan kepada orang awam bagi menarik minat pembangunan sukan.

- S. Siva

”

Teras 4

Pembangunan Bakat

Teras Pembangunan Bakat memberi tumpuan kepada penyediaan sebuah ekosistem yang menggalakkan perkembangan bakat di semua peringkat. Ini termasuk pelaksanaan sebuah model pembangunan bakat yang mengguna pakai amalan terbaik dan kerjasama perkongsian kepakaran di antara pelbagai pihak.

Ekosistem pembangunan bakat negara memerlukan nafas baharu dalam membentuk sebuah model yang mampu menyepadukan pelbagai sistem pembangunan ke arah penyeragaman dan konsolidasi. Melalui strategi-strategi yang dicadangkan, struktur pembangunan bakat negara mampu mengenalpasti dan melahirkan jaguh dengan lebih komprehensif, sistematik dan inklusif.

Objektif

Menstruktur sistem pembangunan bakat.



“ Saya mengharapkan pembangunan program TID secara menyeluruh perlu dimulakan dan ianya mesti bermula dengan mengaplikasikan elemen genetik sukan sebagai komponen utama TID. Ia telah dimulakan di negara-negara maju sejak 25 tahun lepas.

- Hafiz Asri





Strategi




**Sasaran
2030**

S1



Penguatan model pembangunan bakat sukan kebangsaan

S2



Pengaplikasian teknologi pembangunan bakat

S3



Penguatan kerjasama strategik dalam dan luar negara



Peningkatan kumpulan bakat yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa



Pembangunan kumpulan bakat berkualiti berlandaskan data dan teknologi terkini



Rangkaian pembangunan bakat yang luas

S1. Pengukuhan model pembangunan bakat sukan kebangsaan

Hasil utama strategi ini adalah melahirkan kumpulan bakat yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Sebuah model pembangunan bakat yang seragam dan berlandaskan data harus dibangunkan dan dilaksanakan secara menyeluruh.

No	Inisiatif	Ciri-Ciri	Keberhasilan
1	Menyediakan tenaga mahir yang diiktiraf sebagai agen pembangunan bakat di semua peringkat	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan ▶ Latihan <i>Talent Identification & Development</i> (TID) ▶ Guru Pendidikan Jasmani, jurulatih, instruktur, pegawai teknikal dan sukarelawan 	▶ Peningkatan capaian pengenalpastian bakat di semua peringkat
2	Memperluaskan peluang pembangunan bakat dan penggerak sukan	▶ Kerjasama rentas kementerian	▶ Peningkatan capaian pengenalpastian bakat di kalangan golongan rentan
3	Mengintegrasikan program pembangunan bakat kebangsaan	▶ Kerjasama dan penyelarasan semua program TID	▶ Proses pembangunan bakat kebangsaan yang selaras (<i>streamlined</i>)

Hasil utama strategi ini adalah membangunkan kumpulan bakat berkualiti berteraskan data dan teknologi terkini. Malaysia memerlukan pengintegrasian teknologi-teknologi terbaru seperti *Internet of Things* (IoT), *Artificial Intelligence* (AI) dan Analitis Data Raya yang berteraskan prestasi sebagai pemacu program-program pembangunan bakat kebangsaan bagi mengelakkan risiko diskriminasi dan ketidakadilan.

Memperkukuhkan aplikasi teknologi pembangunan bakat di semua peringkat

S2.

No	Inisiatif	Ciri-Ciri	Keberhasilan
1	Mengukuhkan transformasi digital di peringkat akar umbi	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Program <i>Train the Trainers</i> ▶ Dasar MyDigital ▶ Pengurusan Perubahan 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Penggunaan teknologi digital di peringkat akar umbi
2	Pembangunan <i>mobile platform</i> mesra pengguna	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Pengguna sasaran: <ol style="list-style-type: none"> <i>Talent Eagle</i> ibubapa jurulatih ▶ Aplikasi <i>mobile</i> 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Liputan pembangunan bakat yang lebih meluas ▶ Pangkalan data bakat
3	Kerjasama penyelidikan dan aplikasi teknologi terkini	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Geran penyelidikan ▶ Hab maklumat penyelidikan 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Peningkatan penyelidikan dan aplikasi teknologi dalam pembangunan bakat
4	Memperluaskan mekanisme pengesanan bakat dan penilaian berterusan yang berlandaskan data	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Pengenalpastian bakat melalui liga sukan yang berterusan ▶ Pangkalan data bakat 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Peningkatan kualiti <i>talent pool</i> kebangsaan

S3. Pengukuhan kerjasama strategik dalam dan luar negara

Hasil utama strategi ini adalah membangunkan sebuah rangkaian pembangunan bakat yang luas. Rangkaian ini bertujuan untuk menggembeng usaha pembangunan bakat secara sistematik merentasi pelbagai agensi di dalam dan luar negara.

No	Inisiatif	Ciri-Ciri	Keberhasilan
1	Meningkatkan dan memperluaskan pendidikan & kesedaran pembangunan bakat	<ul style="list-style-type: none">▶ Program Jelajah Bakat Sukan di peringkat akar umbi▶ Berlandaskan kajian	<ul style="list-style-type: none">▶ Peningkatan kesedaran mengenai kepentingan pembangunan bakat
2	Kerjasama dan pemindahan pengetahuan yang berpaksikan amalan terbaik	<ul style="list-style-type: none">▶ Pengurusan▶ Atlet▶ Jurulatih	<ul style="list-style-type: none">▶ Peningkatan kualiti pembangunan bakat melalui metodologi terkini
3	Menggalakkan liga sepanjang musim di semua peringkat secara berstruktur dan berkualiti	<ul style="list-style-type: none">▶ Kerjasama semua pemegang taruh sukan	<ul style="list-style-type: none">▶ Meluaskan <i>platform</i> pengenalpastian bakat di semua peringkat



“Menggalakkan usaha penyelidikan pembangunan program sedia ada dan penambahbaikan pengurusan dengan menyuntik inisiatif-inisiatif strategik dalam merencanakan kembali industri sukan negara”
- Jason Wong

“Mencungkil bakat sukan generasi kini dengan pembangunan serta penganjuran program yang holistik dan dinamik dari akar umbi bagi memacu sukan negara yang cemerlang dan gemilang.”
- Khairil Anwar

Teras 5

Profesionalisme Sukan

Teras Profesionalisme Sukan merangkumi beberapa aspek yang kritikal, iaitu memastikan sistem tadbir urus yang cekap di peringkat badan sukan komuniti hinggalah kebangsaan melalui penerapan personel sukan yang berintegriti, menggalakkan semangat kesukanan dan pengiktirafan personel sukan mengikut kepakaran.

Profesionalisme Sukan merangkumi seluruh ekosistem sukan negara dari peringkat kepimpinan tertinggi hingga ke akar umbi. Melalui ekosistem yang profesional, gejala rasuah dan pecah amanah boleh dielakkan dengan pelaksanaan dasar keterbukaan dan model pengurusan yang cekap.

Objektif

Memperkukuhkan tadbir urus sukan.

“Sistem sokongan pendidikan berkualiti kepada jurulatih dan pemula pengurus sukan supaya dapat melahirkan lebih ramai pengurus sukan bervisi, berilmu dan bermotivasi tinggi ke arah penerusan penghasilan bakat berkualiti untuk setiap sukan!

- Muhamad Syamir





S1



Membangunkan organisasi sukan yang cekap, selamat, berintegriti dan adil

S2



Peningkatan pengetahuan dan kepakaran personel sukan


S3




Penaiktarafan kerjaya dalam sukan



Sasaran 2030



Sukan di Malaysia mematuhi piawaian konvensyen sukan antarabangsa.



Malaysia menjadi pusat perkembangan kepakaran sukan.



Pembangunan modal insan yang berdaya saing dan lestari.

S1.

Pengukuhan organisasi sukan yang cekap, selamat, berintegriti dan adil

Hasil utama strategi ini adalah peningkatan kecekapan tadbir urus sukan yang setara dengan badan antarabangsa melalui amalan terbaik (best practice). Strategi ini menyasarkan pengukuhan semua organisasi sukan terutamanya persatuan dan badan sukan di semua peringkat (kelab, daerah, negeri dan kebangsaan).

No	Inisiatif	Ciri-Ciri	Keberhasilan
1	Menggalakkan penyediaan pelan strategik bagi badan sukan kebangsaan	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Garis panduan penyediaan pelan strategik badan sukan 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Tadbir urus badan sukan yang kukuh dan terbuka
2	Menambahbaik Akta Pembangunan Sukan 1997 dan peraturan – peraturan pembangunan badan sukan	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Mengemaskini fungsi, tugas & kuasa ▶ Mekanisme penyelesaian pertikaian 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Pemeraksanaan ekosistem badan sukan dari ahli ke pemimpin ▶ Penyeliaan badan sukan yang lebih teratur
3	Mengukuhkan penarafan tadbir urus badan sukan	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Penilaian prestasi badan sukan yang seragam 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Peningkatan badan sukan yang mengamalkan <i>good governance</i>
4	Merangka dan menguatkuasakan sebuah akta <i>anti-doping</i>	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Mewujudkan badan khusus yang akan memantau polisi <i>anti-doping</i> 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Mengukuhkan polisi <i>anti-doping</i> Malaysia

Hasil utama strategi ini adalah menjadikan Malaysia sebagai pusat perkembangan kepakaran profesionalisme sukan. Pendidikan dan latihan profesional perlu diterapkan dengan lebih meluas bagi melahirkan kepakaran personel yang profesional. Aktiviti pengurusan perubahan juga harus dilaksanakan selari dengan arus perkembangan sukan masa kini.

Peningkatan pengetahuan dan kepakaran personel sukan **S2.**

No	Inisiatif	Ciri-Ciri	Keberhasilan
1	Menggalakkan program latihan dan kemahiran tadbir urus	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Kursus pentauliahan ▶ Kursus pengurusan organisasi badan sukan 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Peningkatan penglibatan program latihan
2	Menyediakan peluang latihan bagi pensijilan antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Pengiktirafan kepakaran 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Peningkatan pemegang sijil bertaraf antarabangsa
3	Meningkatkan kualiti tahap kepimpinan	<ul style="list-style-type: none"> ▶ <i>Massive Open Online Courses (MOOC)</i> 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Memperluaskan akses pendidikan dan pembelajaran
4	Meluaskan mekanisme dan platform pendidikan integriti kesukanan	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Program khusus untuk pelbagai golongan sasaran ▶ Modul berdasarkan penyelidikan terkini 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Perkembangan kemahiran di kalangan personel sukan



“Sukan untuk semua, tidak kira bangsa atau usia. Sukan juga bukan pilihan tapi keperluan. Sukan itu menyihatkan. Kita majukan sukan, majulah sukan untuk negara.”
 - Karen C.

S3. Penaiktarafan kerjaya dalam sukan

Hasil utama strategi ini adalah melahirkan modal insan yang berdaya saing dan lestari. Usaha ini memerlukan sokongan dari industri sukan dan juga badan kerajaan dalam mengiktiraf sukan sebagai satu kerjaya yang profesional.

No	Inisiatif	Ciri-Ciri	Keberhasilan
1	Membangunkan pangkalan data personel sukan	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Integrasi pangkalan data industri sukan 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Mewujudkan sebuah pusat data bersepadu
2	Penciptaan peluang pekerjaan sukan profesional	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Kerjasama sektor swasta ▶ Program <i>internship</i> 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Profesional sukan yang disahkan oleh badan profesional atau kerajaan



I N I V I S I K I T A



“Pembangunan sukan melalui platform sukan untuk semua yang lebih holistik dengan merencanakan program visi sukan negara yang lebih komprehensif selari dengan pembangunan negara melalui program sukan untuk semua”
- Suhaimi Hassan

I N I

Teras 6

Hab Sukan

Skop teras Hab Sukan merangkumi aspek peningkatan capaian dan struktur tadbir urus yang menawarkan kualiti fasiliti, perkhidmatan dan kepakaran yang tinggi. Antara pendekatan yang dicadangkan adalah penggalakan tadbir urus bersama, rangkaian fasiliti sukan yang luas dan bersepadu serta penyeragaman pembangunan prasarana sukan yang lebih komprehensif mengikut keperluan lokaliti.

Kedudukan Malaysia yang strategik di Asia Tenggara dapat menyokong pembangunan rangkaian infrastruktur sukan yang berpotensi untuk dijadikan pusat penggiatan sukan serantau. Objektif ini boleh dicapai melalui tadbir urus yang cekap dan terbuka, penyeragaman kualiti serta penyelenggaraan fasiliti sukan yang mampan.

Objektif

Malaysia sebagai hab sukan serantau.

“
#1 Menjadikan Malaysia sebuah hab sukan mesra golongan istimewa (*disable friendly*), dan meningkatkan lagi prestasi atlet-atlet paralimpik.
#2 Menjadikan Malaysia sebagai pengeluar peralatan sukan yang berkualiti dan berteknologi tinggi.

- Johan Asmadi






Strategi




Sasaran
2030

S1




Peningkatan aksesibiliti
dan tadbir urus prasarana
sukan.



Pengurusan kemudahan
sukan yang cekap dan
terbuka.

S2



Hab yang berpaksikan
fasiliti, perkhidmatan dan
kepakaran.



Meletakkan Malaysia
sebagai destinasi sukan
pilihan serantau.

A positive perspective of having a career in sports as athletes and in management.

- Andrew Yew

S1.

Peningkatan aksesibiliti dan tadbir urus prasarana sukan

Hasil utama strategi ini adalah pengurusan kemudahan sukan yang cekap dan terbuka. Dalam usaha negara mencapai objektif sebagai hab sukan serantau, sebuah model pengurusan yang mampan harus dilaksanakan agar hab sukan yang dibangunkan menggalakkan penggunaan oleh semua lapisan masyarakat termasuklah golongan OKU, wanita, keluarga dan lain-lain.

No	Inisiatif	Ciri-Ciri	Keberhasilan
1	Penambahbaikan ketersediaan fasiliti sukan	<ul style="list-style-type: none">▶ Kepelbagaian penggunaan fasiliti sukan▶ Kerjasama industri sukan	<ul style="list-style-type: none">▶ Peningkatan kadar penggunaan fasiliti
2	Membangunkan garis panduan dan perancangan hab sukan	<ul style="list-style-type: none">▶ Fasiliti mesra OKU, kanak-kanak dan keluarga	<ul style="list-style-type: none">▶ Pembangunan fasiliti sukan yang menepati piawaian
3	Memperkukuhkan kerjasama strategik dan penglibatan rentas sektor	<ul style="list-style-type: none">▶ Kerjasama rentas sektor▶ Mewujudkan sebuah sekretariat pemantauan	<ul style="list-style-type: none">▶ Peningkatan kualiti fasiliti sukan yang diuruskan secara bersama

No	Inisiatif	Ciri-Ciri	Keberhasilan
4	Memperkasa pendigitalan sistem pengurusan fasiliti sukan	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Aplikasi tempahan fasiliti bagi pengguna platform <i>mobile</i> ▶ <i>Internet of Things</i> (IoT) ▶ Pemasaran produk/servis dalam talian 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Peningkatan kadar penggunaan oleh pengguna dan pemain industri ▶ Memanfaatkan penggunaan teknologi digital
5	Kerjasama perancangan bandar mesra sukan	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Kerjasama merentas kementerian, jabatan dan agensi 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Kemudahan sukan menjadi kriteria pembangunan bandar



“ Memasyarakatkan sukan, infrastruktur sukan awam yang lengkap dan menerapkan elemen sukan dalam aktiviti kemasyarakatan
- Rozaidi Rodzi ”

S2. Hab yang berpaksikan fasiliti, perkhidmatan dan kepakaran

Hasil utama strategi ini adalah meletakkan Malaysia sebagai destinasi sukan pilihan serantau. Ini termasuklah penganjuran acara, perkhidmatan dan kepakaran sukan, persidangan, dan lain-lain. Penekanan strategi ini adalah dalam meningkatkan kadar penggunaan dan kualiti fasiliti sukan di Malaysia dengan penawaran pakej menarik ke pasaran domestik dan antarabangsa.

No	Inisiatif	Ciri-Ciri	Keberhasilan
1	Memastikan ekosistem fasiliti sukan yang kompetitif	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Perkhidmatan dan kepakaran yang berkualiti 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Menggalakkan penggunaan fasiliti di Malaysia ▶ Menyediakan hab sukan yang menjadi pilihan antarabangsa
2	Mempromosikan pelancongan sukan	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Penganjuran program-program antarabangsa bertema, ekspo sukan, persidangan sukan serta program pelancongan sukan 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Peningkatan bilangan <i>flagship events</i> yang menjana pendapatan ▶ Menggalakkan kemasukan pelancong asing
3	Menggalakkan badan sukan antarabangsa berpusat di Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Pemantapan model <i>Transfer of Knowledge</i> 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Peningkatan aktiviti badan sukan antarabangsa yang berpangkalan di Malaysia



“ Inisiatif berteraskan teknologi hijau kepada fasiliti sukan bagi mengurangkan kadar bayaran sewa yang relevan kepada orang awam bagi menarik minat pembangunan sukan. ”

- Fadzli Mohamad



“Harapan saya adalah supaya atlet para dan atlet normal dianggap sama rata”

- Muhammad Ziyad Zolkefli



5

Penutup

Game Changer **103**
Pemangkin **104**

Game Changer

Game Changer adalah cadangan pemangkin dan faktor kritikal yang perlu dilaksanakan dalam memastikan kelangsungan pelaksanaan inisiatif - inisiatif VSN2030.



Pemangkin



Rangkaian digital bagi pembangunan inklusif



Pengaktifan Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan



Pembangunan berlandaskan atlet (Athlete-centric Approach)



Pendekatan keseluruhan sukan (Whole-of-Sports Approach)



Transformasi struktur perkhidmatan sukan



Penubuhan sebuah pangkalan data sukan bersepadu



Kesimpulan

VSN2030 merupakan hasil aspirasi dan harapan rakyat Malaysia secara kolektif dalam memeta hala tuju pembangunan sukan negara yang lebih progresif dan mampan. Selaras dengan prinsip 'daripada komuniti kepada komuniti', VSN2030 telah mengambil kira pandangan, cadangan dan pendekatan terbaik daripada segenap lapisan pemegang taruh sukan.

Antara objektif pembangunan VSN2030 adalah untuk meneruskan kesinambungan terhadap usaha sedia ada dalam menggalakkan rakyat Malaysia untuk terus mengamalkan gaya hidup aktif dan sihat. VSN2030 akan menjadi jentera yang mampu membantu negara melakar transformasi sektor sukan sebagai sebuah industri yang inovatif, berdaya saing dan bernilai tinggi, dengan sistem tadbir urus yang cekap dan berintegriti tinggi. VSN2030 juga diyakini dapat mengangkat Malaysia menjadi sebuah destinasi utama sukan serantau dan global.

Bagi mencapai matlamat ini, enam (6) Teras Strategik VSN2030 telah digariskan meliputi Pembudayaan Sukan, Kegemilangan Sukan, Industri Sukan, Pembangunan Bakat, Profesionalisme Sukan, dan Hab Sukan dengan disokong oleh 16 strategi dan 74 inisiatif yang bakal dilaksanakan sehingga tahun 2030 melibatkan segenap lapisan pemegang taruh sukan merentasi kementerian dan agensi; awam dan swasta. Uniformiti dan kebersamaan bakal menjadi tunjang dalam usaha padu setiap lapisan rakyat Malaysia mengangkat industri ini ke tahap yang dicitakan semua.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pembangunan kolektif VSN2030 ini. Kini, adalah tugas kita bersama sebagai rakyat Malaysia berganding bahu merealisasikan pelaksanaannya demi kegemilangan sukan ibu pertiwi bernama Malaysia.

Demi Malaysia!



Glosari

1.	AFF	- Asean Football Federation	22.	LTAD	- Long-Term Athlete Development
2.	AI	- Artificial Intelligence	23.	MaGIC	- Malaysian Global Innovation & Creativity Centre
3.	ASEAN	- Association of Southeast Asian Nations	24.	MASUM	- Majlis Sukan Universiti Malaysia
4.	ATM	- Angkatan Tentera Malaysia	25.	MOOC	- Massive Open Online Courses
5.	DOSM	- Department of Statistic Malaysia	26.	MOSTI	- Ministry of Science, Technology, and Innovation
6.	FBTC	- Forward Based Training Centre	27.	MOTAC	- Ministry of Tourism Malaysia
7.	FMOC	- Federation of Malaya Olympic Council	28.	MSN	- Majlis Sukan Negara
8.	GP	- Grand Prix	29.	NSA	- National Sports Associations
9.	IBSM	- Indeks Budaya Sukan Malaysia	30.	OKU	- Orang Kurang Upaya
10.	IoT	- Internet of Things	31.	PDRM	- Polis Diraja Malaysia
11.	IPT	- Institut Pengajian Tinggi	32.	PKP	- Perintah Kawalan Pergerakan
12.	ISN	- Institut Sukan Negara	33.	PPP	- Public-Private Partnership
13.	JBSN	- Jabatan Belia dan Sukan Negara	34.	R&D	- Research & Development
14.	KBS	- Kementerian Belia & Sukan	35.	RMK-12	- Rancangan Malaysia Ke-12
15.	KDNK	- Keluaran Dalam Negara Kasar	36.	SEAP	- Southeast Asian Games Peninsular
16.	KISMAS	- Karnival Industri Sukan Malaysia	37.	TID	- Talent Identification & Development
17.	KLIA	- Kuala Lumpur International Airport	38.	TPM	- Technology Park Malaysia
18.	KPI	- Key Performance Indicator	39.	UNESCO	- United Nation Educational, Scientific and Cultural Organization
19.	KPM	- Kementerian Pendidikan Malaysia	40.	UN-SDGs	- United Nation Sustainable Development Goals
20.	KPT	- Kementerian Pengajian Tinggi	41.	VSN2030	- Visi Sukan Negara 2030
21.	LISUS	- Liga Sukan Untuk Semua	42.	WKB2030	- Wawasan Kemakmuran Bersama 2030



[www vsn2030 my](http://www.vsn2030.my)



Kementerian Belia dan Sukan

Ministry of Youth and Sports
Menara KBS, 27, Persiaran Perdana 3, 62570 Putrajaya
www.kbs.gov.my

 [KBSMalaysia](#)

 [KBSMalaysia](#)

 [KBSMalaysia](#)

 [UKKKBSMalaysia](#)